

3

TINJAUAN MAKROEKONOMI

- Perspektif Keseluruhan
- Sektoral

Rencana 3.1 – Pelancongan: Kelebihan Berbanding bagi Malaysia

Rencana 3.2 – Pembuatan Berteknologi Tinggi untuk Pertumbuhan Masa Hadapan

Rencana 3.3 – Peningkatan Produktiviti Subsektor Kelapa Sawit

- Permintaan Domestik

Rencana 3.4 – Output Potensi bagi Malaysia

- Sektor Luar Negeri
- Harga
- Pasaran Buruh
- Kesimpulan
- Rujukan

3 | TINJAUAN MAKROEKONOMI

Perspektif Keseluruhan

Prospek ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan terus dipacu oleh permintaan domestik. Pertumbuhan KDNK 4.7% (y-o-y) pada separuh pertama 2019 dijangka berterusan sepanjang tahun dan meningkat secara marginal 4.8% pada 2020. Walaupun prestasi ekonomi stabil, namun prospek ekonomi berhadapan dengan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka. Gangguan terhadap rantaian bekalan global yang berpunca daripada konflik perdagangan yang berpanjangan antara ekonomi utama, ketegangan geopolitik, kelembapan pasaran elektronik serta volatiliti dalam pasaran kewangan dan komoditi global dijangka mempengaruhi momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa terdekat.

Perbelanjaan isi rumah yang merangkumi sekitar 58% daripada KDNK terus memacu pertumbuhan disokong oleh kestabilan pasaran buruh dan inflasi yang rendah. Sementara itu, pembentukan modal tetap kasar dijangka bertambah baik pada 2020. Prestasi ini didorong oleh pelaksanaan semula projek strategik serta perbelanjaan modal berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Dari sudut penawaran, pertumbuhan diunjur lebih menyeluruh diterajui oleh sektor perkhidmatan yang disokong oleh perbelanjaan isi rumah. Selain itu, pertumbuhan ekonomi digital yang pantas dan pelancaran Visit Malaysia 2020 (VM2020) akan meningkatkan pertumbuhan sektor ini. Pertumbuhan dalam sektor pembuatan dijangka sederhana pada suku tahunan seterusnya sebelum momentum kembali pulih pada separuh kedua 2020 sejajar dengan peningkatan permintaan elektronik global. Sementara itu, pertumbuhan sektor komoditi akan disokong oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan gas asli yang lebih tinggi. Sektor pembinaan dijangka bertambah baik berikutan aktiviti dalam segmen kejuruteraan awam yang mengimbangi kelembapan prestasi segmen harta tanah kediaman dan komersial.

Eksport dijangka mencatat pertumbuhan perlahan pada 2019 berikutan permintaan global yang lebih rendah berpunca daripada ketegangan perdagangan dan teknologi. Walau bagaimanapun, unjuran bagi 2020 menunjukkan pertumbuhan berterusan dalam sektor luaran sejajar dengan peningkatan aktiviti perdagangan global berikutan penyambungan semula rundingan perdagangan antara AS dengan China dan pemulihan permintaan global bagi elektronik. Sementara itu, lebih akaun semasa dianggarkan mengecil disebabkan oleh kenaikan import berikutan peningkatan aktiviti pelaburan dan perindustrian serta pertambahan defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan.

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan berkembang 6.3% dalam tempoh separuh pertama 2019 hasil daripada permintaan domestik yang berdaya tahan. Pada 2019, sektor ini diunjur berkembang 6.1% dan menyumbang hampir 58% kepada KDNK terutamanya disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; kewangan dan insurans; maklumat dan komunikasi;

Jadual 3.1. KDNK mengikut Sektor 2018 – 2020

(Pada harga malar 2015)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2019 ¹	2018	2019 ¹	2020 ²
Perkhidmatan	57.5	6.8	6.1	6.2
Pembuatan	22.2	5.0	4.0	4.1
Perlombongan	7.3	-2.6	0.6	0.3
Pertanian	7.3	0.1	4.3	3.4
Pembinaan	4.7	4.2	1.7	3.7
KDNK	100.0	4.7	4.7	4.8

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

serta makanan & minuman dan penginapan. Sektor ini diunjur meningkat 6.2% pada 2020 dengan kebanyakan subsektor berkembang pada momentum yang sama manakala perkhidmatan berkaitan perdagangan dan pembuatan meningkat secara marginal.

Subsektor perdagangan borong dan runcit kekal menerajui sektor perkhidmatan yang dijangka berkembang 6.8% pada 2019. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan segmen runcit terutamanya disumbangkan oleh pertambahan bilangan kedai serbaneka. Walau bagaimanapun, segmen borong dijangka menguncup apabila pasar raya besar membuat semakan semula model perniagaan disebabkan oleh kos operasi yang tinggi. Sementara itu, segmen kenderaan bermotor dijangka terus berkembang berikutan pengenalan model baharu kereta terutamanya dalam tempoh separuh pertama 2019. Subsektor ini dianggar meningkat 7% pada 2020 disokong oleh aktiviti berkaitan pelancongan serta pertumbuhan pantas e-dagang menggunakan Platform Perdagangan Dunia Elektronik yang direka untuk memudahkan perdagangan dengan menghubungkan perniagaan, menguruskan pengesahan kargo dan menyokong operasi kastam.

Subsektor kewangan dan insurans dijangka meningkat 4.8% pada 2019 dipacu oleh segmen kewangan terutamanya berikutan pertumbuhan lebih tinggi dalam FISIM¹ dan pendapatan berasaskan fi dengan kadar faedah yang rendah. Sementara itu, segmen insurans dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh premium lebih rendah dan tuntutan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, segmen ini dijangka menerima manfaat terutamanya daripada jualan kereta yang lebih tinggi pada separuh pertama 2019. Subsektor ini dijangka berkembang 5.1% pada 2020 terutamanya disokong oleh segmen kewangan berikutan peningkatan pinjaman bank dan pendapatan fi yang lebih tinggi selari dengan perkembangan aktiviti ekonomi. Penubuhan bank maya pertama pada suku ketiga 2020 bertujuan memodenkan industri perbankan Malaysia serta penerbitan

garis panduan lesen perbankan maya juga dijangka terus meningkatkan pertumbuhan subsektor ini. Sementara itu, segmen insurans (termasuk takaful) diunjur berkembang selaras dengan sasaran Kerajaan untuk meningkatkan kadar penembusan insurans nasional daripada 54% pada 2019 kepada 75% pada 2020 melalui kempen kesedaran yang lebih meluas khususnya kepada kumpulan berpendapatan sederhana.

Subsektor maklumat dan komunikasi diunjur berkembang 6.7% pada 2019 disumbangkan oleh perkhidmatan telekomunikasi dan komputer. Segmen komunikasi akan terus menerajui subsektor ini dengan pelbagai inisiatif Kerajaan bagi meningkatkan akses dan liputan jalur lebar melalui Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Pelan ini memberi tumpuan dalam memperluas rangkaian gantian optik sedia ada, memasang kabel dasar laut dan membangunkan rangkaian gigabit di beberapa lokasi sekitar ibu negeri dan kawasan perindustrian terpilih. Di samping itu, Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang memberi penekanan terhadap pertumbuhan ekonomi digital dan aktiviti e-dagang rentas sempadan termasuk hab *e-fulfillment* untuk meningkatkan eksport akan terus menyokong segmen ini. Sementara itu, pengenalan rangkaian selular generasi kelima (5G) dijangka memacu pertumbuhan subsektor kepada 6.9% pada 2020. Teknologi 5G akan mewujudkan pasaran kompetitif bagi perkhidmatan jalur lebar tempatan serta meningkatkan liputan dan kualiti rangkaian. Keadaan ini dapat memperkukuh keupayaan Malaysia untuk menerima pakai IR 4.0 bagi membolehkan industri memanfaatkan sepenuhnya kecerdasan buatan (AI), robot, realiti maya, analitis data raya (BDA), Internet Benda (IoT) dan kejuruteraan perisian seterusnya meningkatkan penggunaan digital. Selain itu, NFCP akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar yang mampu bayar untuk menyokong ekonomi digital khususnya kepada PKS. Sementara itu, i-Solutions menawarkan penyelesaian bagi penyambungan digital yang lancar tanpa sempadan untuk pasaran Malaysia khususnya kepada PKS dan MNC.

¹ Perkhidmatan Perantara Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung.

**Jadual 3.2. Prestasi Sektor Perkhidmatan
2018 – 2020**
(Pada harga malar 2015)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2019 ¹	2018	2019 ¹	2020 ²
Perdagangan borong dan runcit	29.6	8.1	6.8	7.0
Kewangan dan insurans	11.4	5.7	4.8	5.1
Maklumat dan komunikasi	10.3	8.3	6.7	6.9
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	8.4	7.6	7.6	7.8
Pengangkutan dan penyimpanan	6.5	6.4	6.5	6.4
Makanan & minuman dan penginapan	6.1	8.9	9.2	8.9
Utiliti	4.6	4.9	5.6	4.4
Perkhidmatan lain	8.6	5.5	5.3	5.1
Perkhidmatan kerajaan	14.5	4.5	4.0	4.0
Perkhidmatan	100.0	6.8	6.1	6.2

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.


Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan diunjur meningkat 7.6% pada 2019 didorong oleh permintaan bagi perkhidmatan profesional terutamanya guaman, perakaunan dan kejuruteraan dengan penerusan projek Transit Aliran Massa Laluan 2 (MRT2) dan Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3). Sebaliknya, segmen hartanah dijangka menyederhana berikutan situasi berlarutan ke atas harta tanah kediaman dan komersial tidak terjual. Walau bagaimanapun, pengenalan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) untuk mengurangkan bilangan unit tidak terjual dijangka dapat mengimbangi prestasi subsektor yang perlahan. Pada 2020, subsektor ini dijangka meningkat 7.8% disokong oleh permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan berkaitan pembinaan dengan penerusan projek mega seperti Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) dan Bandar Malaysia. Selain itu, penambahbaikan kriteria kelayakan bagi Dana Rumah Mampu Milik pada September 2019 bagi membantu pembeli rumah kali pertama dijangka turut menyokong pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dianggarkan meningkat 6.5% pada 2019 dipacu oleh segmen pengangkutan darat khususnya perkhidmatan rel. Pengenalan pas perjalanan tanpa had My100 bagi tempoh 30 hari untuk kegunaan di semua rel dan bas rapid transit dan pas My50 bagi bas RapidKL serta bas pengantara MRT dijangka memudahkan pergerakan penumpang. Tawaran tambang istimewa RM1 sehingga akhir 2019 untuk perjalanan sehalu dari Stesen KL Sentral ke Terminal Skypark atau sebaliknya diunjur meningkatkan jumlah penumpang daripada 300 kepada antara 500 hingga 600 setiap hari. Sementara itu, pelancaran tren empat gerabak baharu untuk RapidKL Monorail pada Ogos 2019 dijangka meningkatkan kapasiti penumpang harian. Segmen pengangkutan udara juga diunjur meningkat sejajar dengan langkah Kerajaan untuk melanjutkan pengecualian visa selama 15 hari kepada pelancong dari China dan India sehingga akhir 2019. Walau bagaimanapun, segmen pengangkutan air diunjur berkembang sederhana selari dengan aktiviti perdagangan yang lebih rendah.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka berkembang 6.4% pada 2020 terutamanya disokong oleh segmen pengangkutan darat berikutan operasi lebuh raya baharu seperti Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH); Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Klang (SUKE); Lebuhraya Setiawangsa – Pantai (SPE); Lebuhraya Putrajaya – KLIA (MEX II); dan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE). Pertumbuhan ini juga akan disumbangkan oleh peningkatan perkhidmatan lapangan terbang dan pelabuhan selaras dengan aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Segmen pengangkutan udara dijangka berkembang didorong oleh eksport produk E&E serta peningkatan jumlah penumpang antarabangsa berikutan VM2020. Segmen pengangkutan udara juga dijangka meningkat dengan pengoperasian Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Aeropolis DFTZ Park pada Jun 2020. Sementara itu, segmen pengangkutan air dijangka berkembang berikutan pertambahan laluan dan konsolidasi syarikat perkapalan serta eksport produk petroleum yang lebih tinggi dengan permulaan operasi Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang.

Rajah 3.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holdings Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas).

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dianggar mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.2% pada 2019 terutamanya disokong oleh perbelanjaan isi rumah dan pelancong. Kadar pertumbuhan subsektor ini dijangka meningkat 8.9% pada 2020 berikutan peningkatan jumlah ketibaan dan hasil terimaan pelancong sempena VM2020 dengan sasaran 30 juta pelancong dan RM100 bilion hasil terimaan. Selain itu, peluasan pelaksanaan Visa Semasa Ketibaan (VOA) daripada tujuh kepada 13 pintu masuk di seluruh negara bagi pelancong dari China dan India dijangka meningkatkan lagi pertumbuhan subsektor ini. Penganjuran mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mulai Disember 2019 hingga November 2020 dan pembukaan taman tema luar baharu dijangka turut memacu pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor perkhidmatan lain diunjur berkembang 5.3% pada 2019 dan 5.1% pada 2020. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh permintaan kukuh bagi perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan swasta. Bilangan pelajar asing dijangka kekal tinggi berikutan kos pendidikan kompetitif yang ditawarkan dalam negara. Sementara itu, segmen penjagaan kesihatan swasta akan disokong oleh kempen Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020 yang bertujuan untuk memperkukuh Malaysia sebagai destinasi pelancongan penjagaan kesihatan global dan terkemuka terutamanya dalam bidang kardiologi, onkologi, rawatan kesuburan, ortopedik dan pembedahan kosmetik. Subsektor perkhidmatan kerajaan pula dijangka kekal 4% pada 2019 dan 2020.

Rencana 3.1

Pelancongan: Kelebihan Berbanding bagi Malaysia

Pengenalan

Industri pelancongan merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan dikenal pasti sebagai sumber utama pendapatan tukaran asing. Pada 2018, Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan¹ meningkat 10% kepada RM220.6 bilion iaitu 15.2% daripada KDNK Malaysia. Pertumbuhan ini disokong oleh segmen perdagangan runcit (46.4%) dan perkhidmatan penyediaan makanan & minuman (17.2%). Industri ini juga menyediakan 3.5 juta pekerjaan yang menyumbang 23.5% kepada jumlah guna tenaga di negara ini (DOSM, 2019). Sementara itu, komponen perjalanan dalam akaun semasa² mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM30 bilion pada 2018 (DOSM, 2019).

Pada 2018, Malaysia menduduki tempat pertama dalam *Global Muslim Travel Index* (CrescentRating, 2019) dan Kuala Lumpur dipilih sebagai antara *Top 100 Cities Destinations* (Euromonitor International, 2018). Malaysia juga menduduki tempat ke-15 bagi ketibaan pelancong dan kedudukan ke-21 bagi hasil terimaan pelancongan (UNWTO, 2018). Menurut Hanafiah & Harun (2010), antara faktor yang menarik pelancong ke Malaysia termasuk peningkatan penduduk berpendapatan sederhana terutamanya di Asia, inflasi yang rendah dan destinasi jarak dekat. Jumlah ketibaan dan hasil terimaan pelancong dijangka terus berkembang berikutan pelancaran *Visit Malaysia 2020* (VM2020). Pada 2019, ketibaan pelancong dianggarkan mencapai 28.1 juta dengan hasil terimaan berjumlah RM92.2 bilion. Menyedari kepentingan industri pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi, artikel ini menganalisis kelebihan berbanding bagi industri pelancongan Malaysia; mengenal pasti isu dan cabaran; serta hala tuju industri ini.

¹ Jumlah nilai ditambah kasar semua pertumbuhan dalam industri pelancongan, tanpa mengira sama ada output mereka disediakan kepada pelawat dan tahap pengkhususan proses pengeluaran. Pelawat merujuk kepada *traveller* yang melakukan aktiviti perjalanan ke destinasi utama di luar dari persekitaran biasa dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan, selain daripada diambil bekerja oleh entiti residen negara tersebut atau tempat yang dilawati.

² Imbangan pembayaran.

Kelebihan Berbanding Industri Pelancongan


Indeks Pendedahan Kelebihan Berbanding (RCA)³ digunakan secara meluas untuk menganalisis kelebihan berbanding industri. Berdasarkan kaedah ini, nisbah RCA Malaysia untuk industri pelancongan sentiasa mencatat nilai lebih daripada satu antara 2013 dan 2017 yang menunjukkan pengukuhan kelebihan berbanding bagi industri ini. Selain itu, RCA Malaysia lebih tinggi daripada China, India, Indonesia, Jepun, Republik Korea, Singapura dan Viet Nam. Industri pelancongan Malaysia merekodkan RCA tertinggi 1.50 pada 2013 yang disumbangkan oleh kempen Tahun Melawat Malaysia 2014. Justeru, bilangan ketibaan pelancong melonjak kepada 27.4 juta manakala hasil terimaan meningkat kepada RM72 bilion pada 2014. Walau bagaimanapun, RCA Malaysia berkurang kepada 1.23 berbanding Thailand (3.01) dan Filipina (1.45) yang mencatat peningkatan RCA pada 2017.

Jadual 3.1.1. Indeks Pendedahan Kelebihan Berbanding Negara Terpilih 2013 – 2017

Negara	2013	2014	2015	2016	2017
Malaysia	1.50	1.49	1.28	1.32	1.23
Thailand	2.73	2.45	2.67	2.73	3.01
Filipina	1.41	1.33	1.35	1.25	1.45
Indonesia	0.86	0.96	1.07	1.10	1.09
India	0.69	0.70	0.76	0.79	0.86
Jepun	0.35	0.40	0.53	0.60	0.64
Viet Nam	0.87	0.76	0.64	0.66	0.59
Singapura	0.55	0.53	0.47	0.53	0.52
Republik Korea	0.46	0.52	0.45	0.51	0.38
China	0.37	0.29	0.29	0.30	0.20

Sumber: World Integrated Trade Solution.

Rajah 3.1.1. Pendedahan Kelebihan Berbanding bagi 10 Kumpulan Produk Teratas, 2017




Sumber: World Integrated Trade Solution.

³ Indeks ini digunakan untuk mengira kelebihan atau kelemahan relatif sesebuah negara dalam kelas barang dan perkhidmatan tertentu yang dibuktikan oleh aliran perdagangan. Indeks ini berdasarkan konsep kelebihan berbanding Ricardian. Menurut Balassa (1965), ia dinyatakan seperti berikut: $RCA_{ij} = (X_{ij} / X_i) / (X_{wj} / X_w)$, di mana X_{ij} = eksport produk pelancongan bagi negara i (diukur dalam hasil terimaan pelancongan), X_i = jumlah eksport barangan dan perkhidmatan bagi negara i , X_{wj} = eksport dunia produk pelancongan (diukur dalam hasil terimaan pelancongan) dan X_w = jumlah eksport dunia barangan dan perkhidmatan.

Berdasarkan 10 kumpulan produk, pelancongan merekodkan antara RCA tertinggi iaitu 1.23 selepas sayur-sayuran (2.40); bahan bakar (1.79); elektronik dan jentera (1.62); dan plastik atau getah (1.57). Indeks ini membuktikan Malaysia mempunyai kelebihan berbanding dalam produk pelancongan disokong oleh kepelbagaian budaya, kekayaan sumber alam semula jadi, infrastruktur yang kukuh dan harga yang kompetitif. Sehubungan itu, usaha meningkatkan pelaburan bagi mempromosikan lagi industri pelancongan akan mewujudkan kesan limpahan yang lebih besar kepada ekonomi.


Berdasarkan analisis Kementerian Kewangan,⁴ pelancongan mempunyai pulangan pelaburan tertinggi. Setiap tambahan pelaburan sebanyak RM1 bilion dalam industri pelancongan akan meningkatkan output sebanyak RM1.9 bilion berbanding subsektor ICT (RM1.8 bilion), perdagangan borong dan runcit (RM1.6 bilion) serta perkhidmatan perniagaan (RM1.6 bilion). Sementara itu, berdasarkan analisis *Dynamic Computable General Equilibrium*, setiap peningkatan 10% dalam ketibaan pelancong akan menyumbang 0.033 mata peratusan kepada KDNK dan 0.007 mata peratusan kepada guna tenaga. Pada masa yang sama, rangkaian antara sektor yang tinggi membolehkan beberapa industri seperti rekreasi dan pengangkutan udara mendapat manfaat secara tidak langsung daripada pengembangan industri pelancongan.

Rajah 3.1.2. Keputusan Makro, 2020



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).

Rajah 3.1.3. Industri yang Menerima Manfaat daripada Pelancongan, 2020



¹ Termasuk ejen pelancongan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).


Isu dan Cabaran dalam Industri Pelancongan Malaysia

Sejak kebelakangan ini, trend ketibaan pelancong telah berkurang meskipun hasil terimaan meningkat berbanding negara serantau lain seperti Filipina, Indonesia, Singapura dan Viet Nam. Pada 2018, ketibaan pelancong menyusut 0.4% kepada 25.8 juta berikutan pengurangan ketibaan pelancong dari rantau ASEAN terutamanya dari Singapura (-14.7%) dan Brunei (-16.8%). Industri pelancongan Malaysia menghadapi beberapa isu dan cabaran termasuk kebergantungan yang tinggi terhadap ketibaan pelancong dari Singapura; kekurangan produk pelancongan baharu; laluan udara terhad; serta isu keselamatan dan sekuriti.

⁴ Analisis Input-Output.


Walaupun Singapura merupakan sumber utama pelancongan meliputi 41% daripada jumlah ketibaan pelancong, namun bilangan pelancong telah menyusut kepada 10.6 juta pada 2018 berbanding 12.4 juta pada 2017. Kemerosotan ini terutamanya disebabkan oleh kesesakan yang tinggi di pintu masuk Johor Bahru. Sementara itu, penamatan laluan utama Eropah khususnya ke Amsterdam dan Paris pada Februari 2016 telah menjejaskan ketibaan pelancong ke Malaysia. Selain itu, kekurangan akses melalui pengangkutan udara serta penerbangan dengan kapasiti tempat duduk yang rendah juga memberi kesan kepada industri. Kapasiti tempat duduk yang ditawarkan untuk penerbangan ke Malaysia sehingga Julai 2019 berjumlah 2.7 juta berbanding Thailand (4.3 juta) dan Singapura (3.4 juta). Pada masa yang sama, terdapat hanya 68 syarikat penerbangan menggunakan laluan ke Malaysia berbanding Thailand (129 syarikat) dan Singapura (79 syarikat). Selain daripada kekurangan produk pelancongan baharu, isu keselamatan dan sekuriti terutamanya di Pantai Timur Sabah telah menyebabkan ketibaan pelancong dari negara seperti AS, Australia, Jepun dan UK tidak berkembang (Patrik, 2019).

Rajah 3.1.4. Ketibaan dan Hasil Terimaan Pelancong di Malaysia
(% pertumbuhan)



Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Rajah 3.1.5. Ketibaan Pelancong bagi Negara Terpilih



Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Melangkah ke Hadapan

Kerajaan sekali lagi melancarkan kempen VM2020 untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia memandangkan kepentingan industri pelancongan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Sejarar dengan VM2020, terdapat keperluan untuk meningkatkan kekerapan penerbangan; hak perjalanan udara ke negara jarak sederhana dan jauh; dan kapasiti tempat duduk penerbangan untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia. Penerbangan sewa khas dari Republik Korea dan AS juga perlu ditingkatkan untuk membawa masuk pelancong melalui penerbangan terus ke Kuala Lumpur, Langkawi, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, Visa Semasa Ketibaan (VOA) telah diberikan kepada pelancong dari China dan India dengan syarat perlu memasuki Malaysia melalui negara ketiga. Mulai 15 Julai 2019, kemudahan VOA telah diperluas dari tujuh kepada 13 pintu masuk untuk memudahkan lagi kedatangan pelancong dari negara tersebut.

Industri pelancongan perlu bergerak seiring dengan transformasi digital iaitu menekankan kepada pemasaran digital yang menggunakan pelbagai platform media sosial seperti Google dan *social influencer* untuk kekal berdaya saing. Selain itu, pembangunan platform dalam talian atau aplikasi sehenti yang khusus untuk agensi pelancongan Malaysia merupakan langkah strategik untuk mempromosikan industri pelancongan. Kerjasama dengan pengusaha pelancongan bagi pasaran jarak dekat, sederhana dan jauh sangat digalakkan dalam memberikan tawaran pakej unik dan istimewa ke Malaysia. Langkah membangunkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perniagaan yang utama pula merupakan antara strategi bagi menarik pelancong mewah. Pada 2018, Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) telah menyokong sebanyak 300 acara meliputi mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran. Pada 2020, MyCEB telah berjaya membida 38 acara perniagaan yang dijangka dapat menarik 32,000 pelancong perniagaan antarabangsa dan menjana pendapatan sebanyak RM589 juta.

Perkongsian strategik dengan ejen pelancongan dalam talian, syarikat penerbangan dan agensi pelancongan akan dipergiat untuk meningkatkan promosi pakej pelancongan menerusi Program Pembangunan Pelancongan Bersama (JITDP) yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia dan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB). Di bawah JITDP, program *Discover Langkawi* telah dilaksanakan dengan kerjasama Malaysia Airlines Berhad dan MAHB. Pelancongan pelayaran juga berpotensi untuk dimajukan terutamanya di Langkawi, Melaka dan Pulau Pinang yang boleh dijadikan pelabuhan bagi kapal pelayaran antarabangsa. Bagi tujuan ini, Melaka Gateway boleh dibangunkan sebagai hab pelancongan pelayaran yang boleh menerima empat kapal berkapasiti 3,000 hingga 5,000 penumpang setiap kapal dalam satu masa. Selain itu, pelancongan Islam akan terus diperkukuh untuk menarik lebih ramai pelancong dari Timur Tengah ke destinasi seperti Masjid Negara, Kuala Lumpur dan Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya. Selaras dengan usaha untuk terus mempromosikan pelancongan Islam, Kerajaan telah memperkenalkan standard Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim yang pertama di dunia yang mengiktiraf penginapan patuh Syariah seperti menyediakan kemudahan tempat solat di dalam bilik, restoran yang mendapat pensijilan halal serta pengasingan kemudahan gimnasium dan kolam renang khususnya untuk wanita.

Sementara itu, industri pelancongan kesihatan berkembang dengan pesat dan Malaysia diiktiraf antara lima destinasi pelancongan kesihatan terbaik dunia (*Patient Beyond Borders*, 2018). Pada 2018, bilangan pelancong kesihatan melonjak 15% kepada 1.2 juta dengan pendapatan meningkat 13% kepada RM1.4 bilion terutamanya dari China, India dan Indonesia. Sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti; pakar perubatan berkelayakan dan fasiliti perubatan dengan akreditasi antarabangsa; kos yang kompetitif; ketersediaan teknologi rawatan dan prosedur yang terkini; dan mudah diakses melalui laluan darat dan udara merupakan faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan industri ini. Selaras dengan kempen Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama penjagaan kesihatan, Kerajaan menasabahkan hasil pendapatan sebanyak RM2.2 bilion pada 2020. Kempen ini juga menumpukan kepada beberapa pasaran ASEAN yang baharu dan Timur Tengah terutamanya dalam bidang kardiologi, onkologi dan rawatan kesuburan.

Kesimpulan


Malaysia dan kebanyakan negara lain telah mengenalpasti pelancongan sebagai antara sumber utama pembangunan sosioekonomi dalam dasar negara. Industri pelancongan negara berpotensi besar untuk terus berkembang berikutan kekayaan sumber alam semula jadi; kepelbagaian budaya dan makanan; infrastruktur moden; dan lokasi yang strategik. Justeru, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan rakan media untuk memasarkan dan menjenamakan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan utama di rantau ini di samping mempromosikan produk pelancongan inovatif. Kerajaan juga telah meningkatkan usaha untuk memperkukuh tahap keselamatan dan sekuriti negara termasuk mengekang pencerobohan dan ancaman luar. Usaha ini diharap dapat menambah jumlah ketibaan dan hasil terimaan pelancong demi meningkatkan peluang perniagaan dan pendapatan khususnya kepada PKS.

Sektor Pembuatan

Pertumbuhan sektor pembuatan meningkat 4.2% pada separuh pertama 2019 terutamanya disokong oleh industri berorientasikan domestik. Sementara itu, industri berorientasikan eksport berkembang dengan kadar lebih perlahan disebabkan oleh perkembangan sederhana dalam subsektor E&E seiring dengan permintaan global lebih rendah bagi produk elektronik. Sektor ini dijangka berkembang 4% pada 2019 dengan Indeks Pengeluaran Pembuatan meningkat 4.1% sementara jualan mencatat 6.1% bagi tempoh Januari hingga Julai. Sektor pembuatan dijangka berkembang 4.1% pada 2020 dipacu oleh peningkatan kukuh dalam industri berorientasikan eksport serta pertumbuhan mampan dalam industri berorientasikan domestik.

Subsektor E&E yang merupakan 40.8% daripada industri berorientasikan eksport dijangka menyederhana 3.6% pada 2019 disebabkan oleh kemerosotan dalam kitaran semikonduktor dan ketegangan perdagangan yang berlarutan antara AS dengan China. Sementara itu, subsektor petroleum, kimia, getah dan produk plastik diunjur berkembang 3.4% disokong oleh permintaan berterusan bagi sarung tangan getah berikutan penularan wabak Ebola di Afrika dan peningkatan kesedaran global terhadap penjagaan kesihatan. Industri berorientasikan

Rajah 3.2. Pengeluaran Sektor Pembuatan
(% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

domestik dijangka kekal berdaya tahan terutamanya didorong oleh kluster berkaitan pengguna termasuk peralatan pengangkutan serta makanan dan minuman.

Prestasi industri berorientasikan eksport diunjur bertambah baik pada 2020 selari dengan peningkatan dalam kitaran elektronik terutamanya pada tempoh separuh kedua. Para pengilang di Malaysia turut dijangka mendapat manfaat daripada perubahan rantaian bekalan elektronik dunia berikutan pertikaian perdagangan dan teknologi antara AS dengan China. Di samping itu, peningkatan permintaan AI, IoT, BDA dan 5G dijangka menyokong subsektor E&E.

Jadual 3.3. Indeks Pengeluaran Pembuatan
Januari – Julai
(2015 = 100)

	Bahagian (%)		Indeks		Perubahan (%)	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
Industri berorientasikan eksport						
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	29.5	29.3	111.4	115.0	4.2	3.2
Produk peralatan elektrik dan elektronik	27.9	27.8	118.7	123.1	6.0	3.7
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	6.7	6.8	114.1	120.3	4.2	5.4
Produk tekstil, pakaian, kulit dan kasut	2.0	2.0	118.1	124.3	5.0	5.2
Industri berorientasikan domestik						
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	13.3	13.4	113.7	118.5	5.2	4.2
Makanan, minuman dan tembakau	12.5	12.4	112.6	117.2	4.5	4.1
Kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain	8.1	8.3	107.8	114.7	5.3	6.4
Indeks Pengeluaran Pembuatan	100.0	100.0	113.8	118.4	5.0	4.1

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rencana 3.2

Pembuatan Berteknologi Tinggi untuk Pertumbuhan Masa Hadapan

Pengenalan


Sektor pembuatan Malaysia mula berkembang pesat sejak awal 1980-an apabila negara beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada berasaskan industri. Pelbagai strategi telah dilaksana di bawah dasar dan pelan induk perindustrian dalam mempelbagaikan ekonomi bagi meningkatkan nilai rantai serta mengurangkan kebergantungan kepada komoditi. Inisiatif ini telah menjadikan sektor pembuatan negara berevolusi daripada proses pengeluaran perindustrian kepada konsep bersepadu yang merangkumi semua peringkat sistem pengeluaran dan operasi perniagaan. Kini, sektor pembuatan menjadi antara sektor yang terus berkembang dan penyumbang utama kepada pembangunan sosioekonomi negara. Sehubungan itu, usaha mempromosi sektor pembuatan, khususnya industri pengeluaran berkapasiti tinggi perlu diutamakan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Justeru, artikel ini menilai sumbangan sektor pembuatan kepada ekonomi terutamanya rantai antara sektor; mengenal pasti isu dan cabaran; serta hala tuju sektor tersebut.

Sumbangan Sektor Pembuatan

Pertumbuhan Ekonomi


Sektor pembuatan memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan berkembang pesat 6%¹ setahun dari 2011 hingga 2018. Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK meningkat daripada 8.6% pada 1960 kepada 22.4% pada 2018 (DOSM, 2019). Seiring dengan pembangunan industri berasaskan sumber seperti pemprosesan minyak sawit dan penapisan petroleum, Malaysia turut membangunkan industri bukan berasaskan sumber terutamanya E&E, automotif dan logam. Malaysia pada masa ini merupakan antara pengeluar utama semikonduktor, panel solar dan diod pemancar cahaya (LED) yang mendapat faedah daripada peningkatan permintaan global bagi telefon pintar, peranti penyimpanan dan teknologi *embedded* seperti litar bersepadu dan papan litar bercetak.

Rajah 3.2.1. KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi Terpilih
(% bahagian pada harga malar)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3.2.2. Sektor Pembuatan
(% pertumbuhan pada harga malar)




¹ Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (CAGR).

Pertumbuhan Guna Tenaga dan Produktiviti

Pada 2018, sektor pembuatan menggaji 2.5 juta guna tenaga atau 16.9% daripada jumlah guna tenaga di negara ini. Pada masa yang sama, sektor pembuatan mencatat peningkatan tertinggi dalam pertumbuhan upah iaitu 10.8% dan kedua tertinggi dari segi produktiviti buruh iaitu RM110,858. Komponen elektronik dan peralatan komunikasi merupakan subsektor yang paling produktif dan bernilai tambah dalam sektor ini (MPC, 2018).

Rajah 3.2.3. Guna Tenaga mengikut Sektor (% bahagian)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3.2.4. Produktiviti mengikut Sektor

	2016	2017	Sasaran RMKe-11
Pertanian	RM51,289 (-4.9%)	RM51,988 (1.4%)	3.6%
Perombongan	RM1,133,372 (15.1%)	RM1,210,832 (6.8%)	1.1%
Pembuatan	RM106,307 (3.6%)	RM110,858 (4.3%)	2.6%
Pembinaan	RM39,298 (10.0%)	RM40,242 (2.4%)	9.6%
Perkhidmatan	RM69,534 (4.2%)	RM73,030 (5.0%)	4.1%

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia.


Pelaburan Langsung Asing

Pelaburan langsung asing (FDI) merupakan sumber penting bagi pembangunan sosioekonomi negara (Mohamed et al., 2013). Pada 2018, aliran masuk bersih FDI mencatat RM32.6 bilion dengan 47.4% disalurkan dalam sektor pembuatan. Sementara itu, 72.4% atau RM58 bilion jumlah pelaburan asing yang diluluskan disumbangkan oleh sektor pembuatan. Sebahagian besar pelaburan disalurkan dalam E&E, kelengkapan pengangkutan serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik (MIDA, 2019).

Eksport

Pada 2018, barangan pembuatan menyumbang lebih 80% daripada jumlah eksport. Trend yang ketara dalam struktur eksport menunjukkan peralihan secara berperingkat daripada eksport berasaskan produk E&E kepada bukan E&E. Peralihan ini terbukti dengan peningkatan produk bukan E&E daripada 23.4% pada 2000 kepada 45.4% daripada jumlah eksport pada 2018 manakala produk E&E berkurangan daripada 61.7% kepada 38% dalam tempoh yang sama (DOSM, 2019).

Rajah 3.2.5. Struktur Eksport Malaysia




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rantaian antara Sektor

Sektor pembuatan yang merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK mempunyai rantaian antara sektor yang tinggi. Output sektor pembuatan turut memerlukan pelbagai sumber input daripada sektor ekonomi lain dan mewujudkan rantaian ke belakang. Pada masa yang sama, output daripada sektor ini disalurkan kembali kepada sektor pembuatan dan sektor lain seterusnya menghasilkan rantaian ke hadapan. Sebagai contoh, buah tandan segar kelapa sawit dalam sektor pertanian digunakan bagi pengeluaran minyak sayuran (sektor pembuatan) dan kemudiannya dijual di kedai (sektor perkhidmatan). Analisis Kementerian Kewangan (MoF) menunjukkan minyak sayuran menyokong pertumbuhan industri lain seperti dibuktikan oleh rantaian ke belakang yang tinggi iaitu 2.55 mata. Industri logam asas dan petroleum juga merupakan industri utama dalam menjana kesan limpahan yang tinggi kepada ekonomi melalui rantaian ke hadapan sebanyak 2.46 mata dan 2.36 mata.

Rajah 3.2.6. Rantaian ke Hadapan dan ke Belakang bagi 10 Subsektor Pembuatan Tertinggi



Berdasarkan Jadual Input-Output 2015 (DOSM, 2019), 69 daripada 124 industri dalam ekonomi berada di bawah sektor pembuatan. Sehubungan itu, analisis MoF membuktikan bahawa peningkatan produktiviti industri ini terutamanya E&E, penapisan petroleum dan minyak sayuran akan menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi berikutan rantaian antara sektor yang tinggi.² Pada masa yang sama, industri seperti peralatan mesin; petroleum, arang batu dan bahan kimia; dan makanan & minuman dan tembakau dijangka mendapat manfaat daripada rantaian antara sektor.

Jadual 3.2.1. Implikasi Kenaikan 1% dalam Produktiviti bagi Subsektor Terpilih, 2019
Sisihan paras asas
(mata peratusan)

	KDNK benar	Guna tenaga	Pendapatan boleh guna isi rumah	Eksport	Upah benar
E&E	0.05	0.02	0.03	0.11	0.01
Penapisan petroleum	0.03	0.03	0.02	0.05	0.01
Minyak sayuran	0.01	0.02	0.01	0.01	0.01

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).

² Model *Dynamic Computable General Equilibrium* bagi ekonomi Malaysia.

Rajah 3.2.7. Industri yang Menerima Manfaat Paling Tinggi daripada Peningkatan Produktiviti dalam Subsektor Terpilih



Isu dan Cabaran dalam Sektor Pembuatan

Deindustrialisasi Prematang

Malaysia mula mengalami deindustrialisasi³ sejak 2000 kesan daripada kejatuhan dalam guna tenaga dan sumbangan output sektor pembuatan. Selain itu, kekurangan landskap polisi serta penambahbaikan teknologi dan penyelarasan Kerajaan terhadap industri menyebabkan perkembangan perlahan sektor pembuatan dalam meningkatkan rantai nilai. Berbanding Republik Korea dan Taiwan, guna tenaga yang rendah dalam segmen bernilai tambah tinggi boleh menyebabkan deindustrialisasi prematang (BNM, 2019).

Kekurangan Inovasi dan Penggunaan Teknologi

Peralihan daripada pengeluaran berintensifkan buruh bagi mengekalkan peningkatan produktiviti dan pendapatan per kapita memerlukan inovasi⁴ dan bukan sekadar meniru daripada pihak lain (Aghion & Howitt, 1992). Dalam konteks Malaysia, Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP) tidak meningkat seperti yang berlaku di Republik Korea dan Taiwan meskipun berlaku pertumbuhan kukuh dan peningkatan dalam kecanggihan produk eksport. Faktor ini disebabkan oleh negara terlalu bergantung kepada MNC dan FDI dalam meningkatkan eksport dan pemindahan teknologi. Tambahan pula, syarikat Malaysia tidak mampu mencipta teknologi yang menjadi prasyarat dalam inovasi dan peningkatan produktiviti (Cherif & Hasanov, 2015).

Selain itu, aktiviti Penyelidikan & Pembangunan & Pengkomersialan & Inovasi (R&D&C&I) industri pembuatan khususnya dalam kalangan PKS sering dibatasi oleh sumber yang terhad. Akibatnya, kebanyakan usaha R&D&C&I telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan MNC. Walaupun terdapat beberapa aktiviti R&D yang dijalankan oleh institusi penyelidikan awam, namun hasil penemuan tidak sepadan dengan keperluan industri (CEDAR, 2018). Pemain industri lebih cenderung menggunakan teknologi sedia ada tanpa membuat penambahbaikan menyebabkan industri jauh ketinggalan daripada aspek teknologi jika dibandingkan dengan *Newly Industrialised Economies*.⁵

³ Deindustrialisasi adalah merupakan peringkat semula jadi dalam pembangunan ekonomi apabila ekonomi mula mengalihkan sumber mereka daripada pembuatan kepada perkhidmatan berikutan pertumbuhan produktiviti pengeluaran yang tinggi dan peningkatan penggunaan sektor perkhidmatan apabila masyarakat menjadi lebih kaya (IMF, 2018).

⁴ Penggunaan idea, kaedah, proses serta teknologi baharu dalam pengeluaran.

⁵ Republik Korea, Singapura dan Taiwan.

Penggunaan Bahan Tempatan yang Rendah

Penggunaan bahan tempatan penting untuk membantu industri domestik dalam pembangunan perindustrian, pewujudan pekerjaan, rantai antara sektor dan nilai ditambah. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan di Malaysia sangat berintensifkan import terutamanya E&E dan bahan kimia sebahagiannya disebabkan oleh rantai bekalan global yang sangat kompleks (Abbhiri, 2012). Sebahagian besar pemain industri terutamanya pula MNC kurang menggunakan bahan tempatan untuk menyokong operasi disebabkan oleh keupayaan teknologi firma tempatan yang rendah.

Kekurangan Kemahiran

Produktiviti menjadi kunci dalam mencapai pertumbuhan industri yang mampan. Walaupun telah memasuki era IR 4.0, namun hanya 30% daripada tenaga kerja Malaysia terdiri daripada kategori mahir. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh lambakan pekerja asing berkemahiran rendah yang tidak menggalakkan penambahbaikan industri dan peningkatan kemahiran tenaga kerja. Berbeza dengan Malaysia, negara seperti Australia, Hong Kong dan Singapura menarik lebih ramai pekerja mahir bagi meningkatkan ekonomi (BNM, 2018). Tambahan pula, Malaysia berdepan situasi penghijrahan golongan profesional seperti dilaporkan Bank Dunia (2011) yang menganggarkan satu daripada setiap sepuluh rakyat Malaysia yang berkemahiran memilih untuk bekerja di luar negara.

Melangkah Ke Hadapan

Penyusunan Semula Insentif di bawah Satu Pusat Sehati

Malaysia mempunyai pelbagai insentif cukai yang dikawal selia oleh entiti Kerajaan yang berbeza. Penyusunan semula insentif di bawah satu pusat sehati akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif kepada pelabur. Sebagai contoh, MIDA telah menubuhkan portal i-Insentif yang menyediakan maklumat berkaitan insentif pelaburan seperti pengecualian cukai, geran dan pinjaman mudah. Pejabat Penyelarasan dan Kerjasama Insentif (ICCO) sedia ada akan bertindak sebagai penyelaras insentif pelaburan negara. Penyusunan semula ICCO yang menggabungkan keseluruhan sistem pengurusan pangkalan data berpusat akan meningkatkan penyelarasan dan pengurusan insentif Kerajaan (MIDA, 2019).

Merekayasa Latihan dan Kemahiran

Peningkatan pendigitalan terhasil daripada IR 4.0 kini mengambil alih peranan pekerjaan sektor pembuatan yang berintensifkan buruh (WEF, 2016). Antara kemahiran yang diperlukan di peringkat global pada masa hadapan termasuk penyelesaian masalah kompleks, pemikiran kritikal, kreativiti dan pengurusan sumber manusia. Kekurangan kemahiran ini menimbulkan kebimbangan memandangkan kebanyakan tenaga kerja di negara ini tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan separuh mahir. Dalam hal ini, penting untuk pekerja dilengkapi dengan pengetahuan dan kepakaran melalui peningkatan kemahiran, latihan semula dan pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan kebolehpasaran.

Meneroka Bidang Tumpuan Baharu

Anjakan Malaysia ke arah IR 4.0 memerlukan pendekatan dan ekosistem yang mengoptimumkan hubungan antara manusia, proses dan teknologi (MITI, 2018). Bagi mencapai matlamat ini, terdapat keperluan untuk menumpukan kepada sumber pertumbuhan baharu yang berkembang dengan pesat seperti rangkaian selular generasi kelima (5G), kecerdasan buatan (AI), Internet Benda (IoT) dan analitis data raya (BDA). Sebagai contoh, permintaan semikonduktor berasaskan AI dijangka

berkembang lima kali ganda daripada keseluruhan pasaran menjelang 2025 (McKinsey, 2018). Selain itu, 5G dan kenderaan elektrik dijangka menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan industri semikonduktor. Penerokaan bidang pertumbuhan baharu tersebut membolehkan pemain industri tempatan meningkatkan rantaian nilai.

Membangunkan Hab Sektor Pembuatan Bersepadu

Pada masa kini, terdapat lima koridor ekonomi, lebih daripada 200 kawasan perindustrian, 13 zon perdagangan perindustrian bebas dan 22 taman industri halal di seluruh Malaysia (HDC, 2019). Walau bagaimanapun, negara masih belum boleh diiktiraf sebagai hab pengeluaran yang komprehensif dengan ekosistem yang lengkap untuk perkhidmatan moden dan industri maju seperti Kunshan dan Chongqing di China. Kunshan merupakan pangkalan pembuatan utama dunia bagi produk elektronik berkaitan maklumat manakala Chongqing mempunyai struktur perindustrian yang pelbagai termasuk makanan diproses, kenderaan, bahan kimia, tekstil, jentera dan elektronik. Sehubungan itu, Malaysia perlu memanfaatkan kedudukan yang strategik dan menumpu kepada pembinaan ekosistem yang lengkap untuk menjadi hab sektor pembuatan bersepadu.

Kesimpulan

Pertumbuhan sektor pembuatan yang mampan penting bagi terus menggalakkan pembangunan sosioekonomi Malaysia. Tumpuan terhadap pembuatan bernilai tinggi akan mendorong industri meningkatkan rantaian nilai di samping mengukuhkan daya saing di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, sektor ini terus berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran termasuk deindustrialisasi pramatang; penggunaan teknologi dan pembangunan bahan tempatan yang rendah; serta defisit kemahiran. Justeru, pelbagai langkah boleh dilaksanakan seperti penyusunan semula insentif di bawah satu pusat sehati; merekayasa latihan dan kemahiran; meneroka bidang tumpuan baharu; dan membangunkan hab sektor pembuatan bersepadu. Inisiatif ini akan membolehkan pertumbuhan sektor pembuatan kekal kukuh pada masa hadapan terutamanya penumpuan dalam bidang baharu seperti AI, BDA dan IoT bagi menyokong industri berteknologi tinggi.

Pengeluaran petrokimia dan oleokimia pula dijangka meningkat dengan permulaan operasi RAPID. Industri berorientasikan domestik akan dipacu oleh kluster berkaitan pengguna dan pembinaan. Dari aspek kluster berkaitan pengguna, subsektor makanan akan terus berkembang didorong oleh permintaan lebih tinggi daripada isi rumah dan pelancong sejajar dengan VM2020. Prospek bagi kluster berkaitan pembinaan pula diunjur kembali pulih dengan peningkatan permintaan bagi produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Pengeluaran yang lebih tinggi akan disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur sedia ada dan baharu seperti ECRL, MRT2, LRT3, Trek Berkembar Lembah Klang 2 (KVDT2) serta Lebuhraya Pan Borneo dan Central Spine Road.

Sektor Pertanian

Sektor pertanian berkembang kukuh sebanyak 4.9% dalam tempoh separuh pertama 2019 dan dijangka meningkat 4.3% bagi keseluruhan tahun. Prestasi yang menggalakkan ini didorong oleh pemulihan pengeluaran CPO dan getah asli serta peningkatan output subsektor ternakan dan pertanian lain. Pada 2020, sektor ini diunjur berkembang 3.4% dengan sebahagian besar pertumbuhan dipacu oleh pengeluaran subsektor perladangan, ternakan dan pertanian lain yang lebih tinggi.

Subsektor kelapa sawit yang merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pertanian diunjur kembali pulih 7.7% pada 2019 sebelum kembali ke paras normal 5.5% pada 2020.

Jadual 3.4. Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2018 – 2020

(Pada harga malar 2015)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2019 ²	2018	2019 ²	2020 ³
Kelapa sawit	39.1	-1.8	7.7	5.5
Getah	2.9	-17.6	7.3	4.4
Pertanian lain ¹	24.8	3.3	3.0	3.1
Ternakan	15.0	6.7	5.6	5.1
Perikanan	11.8	0.5	-1.2	-0.2
Perhutanan dan pembalakan	6.4	-5.5	-3.1	-6.1
Pertanian	100.0	0.1	4.3	3.4

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.² Anggaran.³ Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Jadual 3.5. Kelapa Sawit: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2018 – 2020

				Perubahan (%)		
	2018	2019 ²	2020 ³	2018	2019 ²	2020 ³
Keluasan tanaman ('000 hektar)	5,849	5,970	6,000	0.7	2.1	0.5
Kawasan matang ('000 hektar)	5,189	5,290	5,370	1.5	1.9	1.5
Hasil ¹ (tan/hektar)	17.2	17.5	18.0	-4.1	2.0	2.9
Pengeluaran Minyak sawit mentah ('000 tan)	19,516	21,000	22,200	-2.0	7.6	5.7

¹ Hasil buah tandan segar.² Anggaran.³ Unjuran.

Sumber: Lembaga Minyak Sawit dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Prestasi lebih baik ini terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran CPO berikutan keadaan cuaca yang baik dan peluasan kawasan matang kelapa sawit. Pengeluaran pada 2019 dianggar mencatat 21 juta tan dan meningkat kepada 22.2 juta tan pada 2020. Sementara itu, kadar perahan minyak (OER) diunjur lebih tinggi iaitu 20.1% pada 2019 dan 20.2% pada 2020 berikutan hasil buah tandan segar (FFB) yang lebih berkualiti di semua negeri. Eksport CPO pula dijangka bertambah baik berikutan penurunan cukai import oleh India dan jangkaan peningkatan permintaan dari pasaran utama lain seperti China, Singapura dan AS. Di samping itu, perjanjian perdagangan dua hala dengan China dijangka meningkatkan eksport minyak sawit sebanyak 1.9 juta tan (bernilai RM4.6 bilion dari 2019 hingga 2023) yang menyokong prestasi subsektor ini. Justeru, stok minyak sawit diunjur berkurang kepada 2.5 juta tan pada 2019 dan terus menyusut kepada 2.4 juta tan pada 2020.

Inisiatif telah diambil bagi meningkatkan penggunaan domestik bagi biodiesel berasaskan sawit melalui pelaksanaan program biodiesel B10 untuk sektor pengangkutan dan B7 untuk sektor perindustrian berikutan sekatan oleh EU. Program tersebut dijangka mengukuhkan permintaan domestik minyak sawit di samping meningkatkan kemampanan sumber tenaga.

Pelaksanaan program biodiesel ini dijangka menggunakan sebanyak 761,000 tan minyak sawit setiap tahun seterusnya meningkatkan permintaan tempatan bagi minyak sawit.

Harga CPO mencatat RM2,015 setan dalam tempoh suku pertama 2019 dengan stok merekodkan hampir 3 juta tan. Harga CPO dijangka kekal rendah sebanyak RM2,000 setan pada 2019 berikutan stok yang tinggi serta jangkaan penurunan harga minyak mentah dan minyak sayuran lain seperti kacang soya dan rapeseed. Walau bagaimanapun, harga dijangka meningkat kepada RM2,100 setan pada 2020 berikutan peningkatan penggunaan domestik bagi biodiesel serta permintaan lebih tinggi daripada pasaran utama dalam persekitaran persaingan harga berbanding minyak sayuran lain.

Kerajaan komited melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bermula 1 Januari 2020 bagi memastikan kemampanan dan daya saing subsektor kelapa sawit. Pematuhan pensijilan akan mempelbagaikan pasaran dan meningkatkan daya saing industri di peringkat global. Sehubungan itu, Kerajaan memperuntukkan RM30 juta melalui Belanjawan 2019 untuk membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan ini. Pada masa hadapan, Kerajaan akan melaksanakan

Rencana 3.3


Peningkatan Produktiviti Subsektor Kelapa Sawit

Pengenalan

Kelapa sawit diperkenalkan di Malaysia sebagai tanaman hiasan pada 1870 sebelum dikomersialkan di Estet Tennamaram, Selangor pada 1917. Tanaman ini merupakan antara komoditi utama yang pesat berkembang dan menjadi sumber minyak sayuran paling produktif serta pengeluaran pertanian bernilai tinggi (May, 2012). Penanaman kelapa sawit meningkat dengan ketara pada awal 1960-an di bawah program kepelbagaian pertanian Kerajaan. Program ini bertujuan mengurangkan kebergantungan ekonomi negara terhadap getah dan bijih timah serta membasmi kemiskinan golongan pekebun kecil dan petani yang tidak memiliki tanah (Basiron, 2013).


Semenjak itu, kelapa sawit menjadi subsektor penting kepada ekonomi Malaysia yang menyumbang 37.9% kepada sektor pertanian dan 2.8% kepada KDNK pada 2018 (DOSM, 2019). Pada masa ini, Malaysia merupakan pengeluar dan pengeksport minyak sawit kedua terbesar selepas Indonesia (Kushairi et al., 2019). Sekitar 20 juta tan minyak sawit mentah (CPO) dihasilkan setiap tahun serta menggaji hampir 431,000 tenaga kerja mahir dan berkemahiran rendah. Subsektor ini juga merupakan antara industri yang mempunyai kandungan tempatan hampir 100%. Eksport minyak sawit¹ mencatat RM38.7 bilion atau 3.9% daripada jumlah eksport. Destinasi eksport utama ialah India, China dan Pakistan (DOSM, 2019). Artikel ini menganalisis dan menilai kesan peningkatan produktiviti subsektor kelapa sawit kepada ekonomi, mengenal pasti isu dan cabaran serta menjelaskan inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi mempergiat promosi subsektor ini.

Rajah 3.3.1. Sumbangan Subsektor Kelapa Sawit (Pada harga malar)



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Rajah 3.3.2. Pengeluaran dan Eksport Minyak Sawit Mentah





Penilaian Pertumbuhan Produktiviti Buruh Subsektor Kelapa Sawit

Kelapa sawit lebih produktif berbanding komoditi lain dalam penghasilan minyak sayuran (Asian Agri, 2018). Satu hektar tanah mampu menghasilkan 3.9 tan minyak sawit setiap tahun berbanding minyak *rapeseed* (0.8 tan), minyak bunga matahari (0.7 tan) dan minyak kacang soya (0.5 tan). Produktiviti buruh² subsektor kelapa sawit meningkat ketara sebanyak 20.8% kepada RM129,000 pada 2017 daripada RM107,000 pada 2016. Peningkatan ini terutamanya disokong oleh pengeluaran CPO yang lebih tinggi berikutan fasa pemulihan selepas fenomena El Niño dan peningkatan harga CPO.

¹ Termasuk minyak sawit mentah dan minyak sawit selain minyak sawit mentah.

² Andaian: produktiviti buruh (RM) diukur menggunakan nisbah antara output CPO (RM) dengan jumlah guna tenaga ladang kelapa sawit. Data dari 2014 hingga 2017 diperoleh daripada Jabatan Perangkaan dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Rajah 3.3.3. Produktiviti Minyak Sayuran Utama, 2018**Rajah 3.3.4. Produktiviti Subsektor Kelapa Sawit**

Isu dan Cabaran

Subsektor kelapa sawit berdepan pelbagai cabaran meskipun merupakan antara tanaman yang menghasilkan pengeluaran tertinggi. Cabaran ini termasuk kekurangan tenaga kerja, kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing dan kawasan tanaman yang terhad. Selain itu, prestasi subsektor ini turut dipengaruhi oleh harga komoditi global yang tidak menentu serta dasar perlindungan yang dikenakan oleh pasaran utama.

Kekurangan Tenaga Kerja dan Kebergantungan yang Tinggi Terhadap Pekerja Asing


Subsektor ini sangat berintensifkan buruh dengan penggunaan teknologi dan mekanisasi yang rendah terutamanya dalam penuaian dan pengumpulan buah tandan segar (FFB). Subsektor ini juga sangat bergantung kepada pekerja asing yang merangkumi hampir 77% daripada 431,000 jumlah pekerja (DOSM, 2019). Majoriti pekerja asing berasal dari Indonesia (63%), Nepal (19%), Bangladesh (7%), Filipina (5%) dan India (4%).³ Kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing menimbulkan masalah terhadap kemampanan dan kestabilan industri terutama semasa aktiviti menuai.

Tanah yang Terhad

Kawasan penanaman kelapa sawit meningkat dengan ketara dari 1960 hingga 2018 daripada 55,000 hektar kepada 5.9 juta hektar. Walau bagaimanapun, subsektor kelapa sawit kini menghadapi masalah tanah yang terhad untuk peluasan tanaman pada masa hadapan berikutan penggunaan tanah yang meluas sebelum ini (Shevade et al., 2019). Tambahan pula, Kerajaan komited untuk mengehadkan kawasan tanaman kelapa sawit kepada 6.5 juta hektar menjelang 2023 dalam memastikan pemuliharaan hutan. Sehubungan itu, banyak syarikat tempatan terutamanya syarikat berkaitan Kerajaan mencari peluang pelaburan di negara lain seperti Brazil, Indonesia dan Papua New Guinea yang memiliki tanah yang luas dengan harga berpatutan serta mempunyai iklim dan jenis tanah yang sama.

³ Data dari Januari hingga Jun 2018 diperoleh daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Rajah 3.3.5. Kawasan Tanaman Kelapa Sawit di Malaysia

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Had kawasan tanaman kepada 6.5 juta hektar.

Sumber: Lembaga Minyak Sawit dan Kementerian Industri Utama Malaysia.

Sekatan Import oleh Pasaran Utama

Tanaman kelapa sawit di peringkat global berdepan pemerhatian intensif daripada aktivis alam sekitar dan pengguna berikutan tuduhan bahawa pembersihan tanah kurang terkawal bagi tanaman sawit menyebabkan kemusnahan hutan, meskipun tanaman ini hanya menggunakan 0.4% daripada tanah pertanian global berbanding pengeluaran pertanian lain. Pada 10 Jun 2019, Parlimen EU meluluskan Akta Delegasi yang melarang penggunaan bio bahan api berasaskan minyak sawit secara berperingkat menjelang 2030. Larangan ini dijangka menjejaskan eksport biodiesel minyak sawit Malaysia ke EU secara berfasa.⁴ Selain larangan dari EU, India yang merupakan antara pengimport minyak sawit terbesar telah meningkatkan kadar tarif minyak sawit Malaysia. Pada Mac 2018, India menaikkan duti import CPO daripada 30% kepada 44% dan minyak sawit diproses daripada 40% kepada 54% iaitu kadar tertinggi dalam tempoh lebih satu dekad bagi melindungi tanaman *rapeseed* negara tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif (CECA), India mengurangkan duti import CPO kepada 40% dan minyak sawit diproses kepada 45% pada Januari 2019. Namun, duti import minyak sawit diproses telah ditingkatkan kepada 50% pada September 2019 selama enam bulan untuk mengekang import dan menggalakkan industri penapisan tempatan India.


Volatiliti Harga Minyak Sawit

Sejak 2006, harga komoditi termasuk CPO mencatat volatiliti tinggi berikutan ketidakpastian permintaan dan penawaran dunia yang menyebabkan kemerosotan pengeluaran. Pertumbuhan global yang lebih perlahan terutamanya berpunca daripada ketegangan perdagangan menyebabkan pengurangan permintaan komoditi termasuk minyak sawit. Pada masa yang sama, harga CPO terjejas berikutan lebih bekalan dan pengumpulan stok yang tinggi. Selain itu, kejatuhan harga minyak kacang soya yang merupakan pengganti minyak sawit turut menjejaskan harga CPO.

Keadaan cuaca yang tidak menentu seperti kemarau dan banjir juga memberi kesan kepada pergerakan harga CPO. Sebagai contoh, pada 2016, fenomena El Niño memberi kesan kepada proses pematangan FFB menyebabkan penurunan hasil sebanyak 13.9% kepada 15.9 tan sehektar, seterusnya mengakibatkan pengurangan jumlah CPO sebanyak 13.2% kepada 17.3 juta tan. Berikutan pengurangan pengeluaran CPO, harga telah melonjak kepada RM2,653 setan pada 2016 daripada RM2,154 setan pada 2015.

⁴ Eksport biodiesel berasaskan sawit ke EU berjumlah RM390 juta pada 2018.

Rajah 3.3.6. Harga Minyak Sayuran Utama




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Implikasi Ekonomi Hasil Peningkatan Produktiviti Subsektor Kelapa Sawit

Meskipun berdepan masalah tanah pertanian yang terhad, hasil minyak sawit dapat ditingkatkan melalui produktiviti yang lebih tinggi dengan penggunaan teknologi digital dan mekanisasi. Kajian menunjukkan bahawa amalan pertanian baik dan penambahbaikan sistem pengeluaran akan meningkatkan hasil (Zulkifli et al., 2010). Analisis Kementerian Kewangan⁵ menunjukkan peningkatan 5% dalam produktiviti subsektor kelapa sawit akan menambah 0.1 mata peratusan kepada paras asas KDNK pada 2019. Selaras dengan peningkatan produktiviti, eksport akan meningkat 0.07 mata peratusan dan pendapatan boleh guna isi rumah sebanyak 0.06 mata peratusan.


Peningkatan produktiviti industri kelapa sawit turut memberi manfaat kepada industri lain seperti industri minyak dan lemak memandangkan industri kelapa sawit membekalkan 90.3% input perantara kepada industri tersebut. Industri seperti tanaman bunga dan baja yang membekalkan sebahagian besar output sebagai input perantara kepada industri kelapa sawit juga dijangka mendapat faedah daripada rantaian ke hadapan dan ke belakang. Selain itu, industri berorientasikan pengguna seperti kenderaan bermotor dan restoran dijangka mendapat kesan positif daripada permintaan isi rumah yang lebih tinggi berikutan peningkatan pendapatan.

Rajah 3.3.7. Kesan kepada KDNK Benar dan Pendapatan Isi Rumah




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).

Rajah 3.3.8. Kesan kepada Perdagangan



⁵ Model *Dynamic Computable General Equilibrium* bagi ekonomi Malaysia.

Rajah 3.3.9. Inisiatif bagi Meningkatkan Subsektor Kelapa Sawit



Kesimpulan

Kelapa sawit merupakan komoditi minyak sayuran paling produktif di dunia terutamanya dari segi penggunaan tanah. Industri ini telah berkembang pesat dan menyumbang dengan ketara kepada pembangunan sosioekonomi. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh subsektor ini termasuk kekangan tenaga kerja; kawasan tanah yang terhad; halangan import; tarif yang tinggi; dan volatiliti harga komoditi global. Selaras dengan kepentingan subsektor kelapa sawit kepada ekonomi, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan pengeluaran dan meluaskan pasaran minyak sawit. Inisiatif tersebut termasuk memperkenalkan mekanisasi, mempelbagaikan pasaran eksport, menggalakkan penggunaan biodiesel dan mematuhi piawaian antarabangsa. Usaha ini dijangka dapat meningkatkan daya saing minyak sawit Malaysia di pasaran global dan memastikan kemampanan industri ini.

program biodiesel B20 yang kini dalam tempoh percubaan selama enam bulan dan dijangka mengukuhkan permintaan domestik minyak sawit serta menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih.

Subsektor getah dijangka melonjak semula 7.3% pada 2019 dan berkembang 4.4% pada 2020. Peningkatan ini dijangka didorong oleh pengeluaran getah asli lebih tinggi berikutan penambahan kawasan matang sebanyak 50,000 hektar. Perkembangan ini sebahagiannya disokong oleh pelbagai program penanaman semula serta penanaman klon berhasi tinggi di kawasan baharu terutamanya di Sabah dan Sarawak dari 2011 hingga 2015. Selain itu, keadaan cuaca yang baik, penerusan pelaksanaan insentif pengeluaran getah (IPG) serta penggunaan teknik penorehan moden oleh pekebun kecil turut menyokong output getah asli yang lebih tinggi. Peruntukan RM100 juta bagi penyenggaraan dan pembinaan jalan di kawasan pelabuhan dan perindustrian menggunakan teknologi *Cuplump Modified Bitumen* akan meningkatkan permintaan getah asli tempatan seterusnya mendorong pertumbuhan subsektor ini.

Prospek subsektor getah dalam tempoh terdekat dijangka menggalakkan berikutan penawaran terhad dalam kalangan negara pengeluar getah utama. Kesan musim luruh daun getah bermula Februari hingga April 2019 serta serangan kulat pokok getah di Indonesia dijangka mengurangkan penawaran getah asli di pasaran global. Di samping itu, asas pasaran kekal kukuh disumbangkan oleh langkah pengurangan eksport oleh Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa (ITRC)² pada Mac 2019. Di bawah Skim Jumlah Eksport Yang Dipersetujui (AETS) ke-6, negara anggota telah mengurangkan eksport getah asli sebanyak 240,000 tan dari April hingga Julai 2019 dengan eksport Malaysia berkurangan sebanyak 15,600 tan. Langkah ini dijangka meningkatkan harga Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) sekitar RM5.70 setiap kilogram (kg) pada 2019 dan kekal stabil RM5.50 setiap kg pada 2020.

² Merangkumi Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Jadual 3.6. Getah: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2018 – 2020

				Perubahan (%)		
	2018	2019 ¹	2020 ²	2018	2019 ¹	2020 ²
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,083	1,084	1,085	0.1	0.1	0.1
Kebun kecil	1,010	1,011	1,010	0.3	0.1	-0.1
Estet	73	73	75	-2.2	0.0	2.5
Hasil (kg sehektar)						
Kebun kecil	1,420	1,388	1,398	-1.4	-2.3	0.7
Estet	1,550	1,550	1,540	1.0	0.0	-0.6
Jumlah pengeluaran ('000 tan)	603	650	680	-18.5	7.7	4.6
Kebun kecil	548	607	635	-20.7	10.7	4.6
Estet	55	43	45	12.4	-21.9	4.6
% daripada pengeluaran dunia	4.3	4.6	4.7			

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Lembaga Getah Malaysia.

Subsektor ternakan dianggar berkembang 5.6% pada 2019 dan 5.1% pada 2020 berikutan peningkatan permintaan dari pasaran domestik dan eksport. Segmen ayam-itik dan telur dijangka menyokong pertumbuhan subsektor ini. Sementara itu, subsektor pertanian lain dijangka berkembang 3% pada 2019 seterusnya meningkat 3.1% pada 2020. Pertumbuhan ini akan disokong oleh promosi amalan pertanian baik; peningkatan tanaman kontan; dan integrasi pengeluaran tanaman yang menggunakan pendekatan pertanian moden seperti hidroponik, akuaponik, fertigasi, serta pertanian menegak dan pintar. Selain itu, kempen mempromosikan buah-buahan tempatan sempena VM2020 akan turut menyokong subsektor ini.

Pengeluaran segmen agromakanan dijangka berkembang selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL). Inisiatif ini merangkumi peruntukan R&D bagi meningkatkan kualiti benih serta produktiviti bijirin dan buah-buahan di samping insentif untuk mengautomasikan segmen tersebut.

Sementara itu, subsektor perikanan dijangka merosot 1.2% disebabkan oleh penurunan pengeluaran akuakultur serta hasil pendaratan ikan laut yang lebih rendah akibat musim monsun. Subsektor ini diunjur bertambah baik dengan penurunan marginal sebanyak 0.2% pada 2020 berikutan pengeluaran akuakultur yang lebih tinggi hasil penggunaan teknologi nano terkini.

Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan kembali pulih dalam tempoh separuh pertama 2019 disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Pengeluaran sektor perlombongan dijangka meningkat semula 0.6% pada 2019 dipacu oleh peningkatan pengeluaran gas asli yang mengimbangi penurunan output minyak mentah (termasuk kondensat). Antara medan gas asli yang dijangka menyokong pengeluaran termasuk Anjung, Bakong dan Larak di Sarawak. Walau bagaimanapun, penutupan sementara medan minyak secara dirancang dan tidak dirancang seperti Dulang di Semenanjung Malaysia, Gumusut Kakap di Sabah dan Baronia di Sarawak menjejaskan pengeluaran minyak mentah.


Sektor perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 0.3% pada 2020 didorong oleh pengeluaran gas asli yang stabil berikutan permintaan domestik yang lebih kukuh daripada industri petrokimia serta peningkatan eksport gas asli cecair (LNG) terutamanya ke China, Jepun dan Republik Korea. Subsektor ini dijangka mendapat manfaat daripada permulaan operasi North Malay Basin Full Field Development (FFD - Fasa 2) di Semenanjung Malaysia serta projek Gorek, Bersepadu Bokor (Fasa 3) dan pembangunan semula Betty di Sarawak. Pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat secara sederhana disokong oleh projek seperti Anggerik FFD dan Zetung FFD di Semenanjung Malaysia serta Medan Minyak Bayan (Fasa 2B dan 2C) di Sarawak. Pada masa hadapan, ketidakpastian pertumbuhan global; pengurangan pengeluaran oleh Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC; pengeluaran minyak AS; ketegangan perdagangan antara AS dengan China; dan pergolakan geopolitik terutamanya di Iran,

Iraq, Libya dan Venezuela merupakan antara faktor yang akan mempengaruhi pergerakan harga minyak mentah.

Sektor Pembinaan


Sektor pembinaan meningkat secara marginal sebanyak 0.4% dalam tempoh separuh pertama 2019 dan dijangka berkembang 1.7% bagi keseluruhan tahun. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh segmen kejuruteraan awam khususnya projek berkaitan infrastruktur. Walau bagaimanapun, prestasi sektor ini dijangka terjejas berikutan pertumbuhan perlahan harta tanah kediaman dan komersial. Pada 2020, sektor pembinaan dianggar terus berkembang 3.7% dipacu oleh langkah mempercepat dan melaksana semula projek mega serta pembinaan rumah mampu milik.

Rajah 3.3. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Rajah 3.4. Indeks Harga Rumah Malaysia (% perubahan)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Rajah 3.5. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Pelaburan dalam kerja infrastruktur dijangka meningkatkan segmen kejuruteraan awam. Projek infrastruktur ini termasuk ECRL, MRT2, LRT3, Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru, KVDT2, Central Spine Road, Lebuhraya Pan Borneo, dan Lebuhraya Pesisir Pantai di Sarawak. Sementara itu, projek baharu dalam segmen petrokimia dan loji janakuasa seperti Terminal Air Dalam Pengerang (Fasa 3), Empangan Hidroelektrik Baleh dan Program Grid Bekalan Air Sarawak (Fasa 1) diunjur terus menyokong pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor kediaman dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan terutamanya berikutan peningkatan harta tanah tidak terjual disebabkan oleh ketakpadanan antara penawaran dengan permintaan. Namun begitu, pelbagai langkah yang dilaksanakan Kerajaan termasuk pembinaan 60,000 unit rumah mampu milik setiap tahun dalam tempoh 10 tahun serta pemantapan semula Dasar Perumahan Negara dijangka dapat menyokong pertumbuhan subsektor ini pada 2020. Di samping itu, penambahbaikan Dana Rumah Mampu Milik Bank Negara Malaysia membolehkan pembeli rumah kali pertama menikmati bayaran bulanan lebih rendah sehingga 20%. Langkah ini turut menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor bukan kediaman pula terus menguncup pada 2019 berikutan peningkatan harta tanah tidak terjual serta penawaran akan datang yang rendah. Prestasi sektor ini dijangka kekal perlahan pada 2020 berikutan kekurangan inisiatif projek komersial mega

baharu. Walau bagaimanapun, projek komersial yang sedang dilaksanakan seperti Pusat Bandar Bukit Bintang, KLIA Aeropolis DFTZ Park, Kwasa Damansara, Malaysia Vision Valley dan Menara Merdeka 118 dijangka menyokong subsektor ini.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik dijangka memacu pertumbuhan dan berkembang 4% pada 2019 dan 4.8% pada 2020 meskipun berhadapan dengan cabaran luaran berikutan ketegangan perdagangan yang berlarutan dan pergolakan geopolitik. Asas utama pertumbuhan termasuk pasaran buruh yang stabil dan harga yang rendah dijangka terus kukuh dan menyokong aktiviti domestik. Perbelanjaan sektor swasta yang merangkumi sekitar 80% daripada permintaan domestik akan terus menerajui pertumbuhan iaitu 5.6% pada 2019 dan 5.8% pada 2020. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam dijanggar menyusut 1.8% pada 2019 disebabkan oleh pelaburan syarikat awam yang lebih rendah. Perbelanjaan sektor awam dijangka kembali pulih 0.8% pada 2020 terutamanya didorong oleh langkah mempercepat pelaksanaan projek di penghujung Rancangan Malaysia Kesebelas serta penerusan semula projek strategik.

Penggunaan swasta dijangka berkembang sederhana sebanyak 6.8% pada 2019 disebabkan oleh kesan asas berikutan pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada separuh kedua 2018. Perbelanjaan isi rumah akan terus disokong oleh prospek pertumbuhan gaji dan

Jadual 3.7. KDNK mengikut Permintaan Agregat 2018 – 2020
(Pada harga malar 2015)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2019 ²	2018	2019 ²	2020 ³
Permintaan domestik	93.5	5.5	4.0	4.8
Perbelanjaan swasta	74.9	7.1	5.6	5.8
Penggunaan	58.1	8.0	6.8	6.9
Pelaburan	16.8	4.3	1.5	2.1
Perbelanjaan awam	18.6	0.1	-1.8	0.8
Penggunaan	12.1	3.3	2.0	1.5
Pelaburan	6.5	-5.0	-8.1	-0.6
Sektor luar ¹	7.7	11.4	14.5	-2.7
Eksport	64.3	2.2	-0.4	1.4
Import	56.7	1.3	-2.1	1.9
KDNK	100.0	4.7	4.7	4.8

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

guna tenaga yang menggalakkan terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Lebih banyak peluang pekerjaan dijangka diwujudkan dalam jangka masa terdekat berikutan peningkatan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM296 bilion oleh MIDA antara 2018 hingga Jun 2019. Di samping itu, kenaikan kadar gaji minimum, pemberian bantuan tunai, pembayaran balik cukai pendapatan dan kos pinjaman yang lebih rendah dijangka turut meningkatkan perbelanjaan isi rumah. Trend pendapatan dan pasaran buruh dijangka berterusan pada 2020 sejajar dengan aktiviti ekonomi yang mampan. Penganjuran program utama seperti VM2020, mesyuarat APEC dan Kongres Teknologi Informasi Dunia 2020 juga akan menyokong aktiviti penggunaan swasta. Secara keseluruhan, perbelanjaan penggunaan dijangka mencatat pertumbuhan 6.9% pada 2020.

Pelaburan swasta diunjur berkembang pada kadar perlahan sebanyak 1.5% pada 2019 mencerminkan permintaan luar dan kadar penggunaan kapasiti yang lebih rendah terutamanya dalam industri berorientasikan eksport. Pada separuh pertama 2019, pelabur kekal berwaspada seperti ditunjukkan dalam Indeks Keyakinan Perniagaan yang berada di bawah paras nilai ambang 100 mata iaitu 94.3 mata. Walau bagaimanapun, pelaburan

dijangka berkembang pada separuh kedua 2019 sejajar dengan Survei Kecenderungan Perniagaan yang meningkat 18.2%. Sentimen pelabur pada 2020 dijangka terus bertambah baik terutamanya dengan pelaksanaan semula projek strategik dan peningkatan eksport khususnya E&E. Pembayaran balik cukai juga dijangka merangsang aktiviti sektor swasta. Secara keseluruhan, momentum dalam pelaburan swasta dijangka berkembang 2.1% pada 2020.

Perbelanjaan modal pada 2019 dan 2020 terus bertumpu dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Industri E&E; jentera dan peralatan; kimia dan produk kimia; dan aeroangkasa kekal sebagai industri utama berikutan kesalinghubungan yang tinggi dalam sektor pembuatan. Pelaburan dalam bidang bernilai tambah tinggi seperti bahan canggi berteknologi tinggi, optik dan fotonik, petrokimia dan farmaseutikal dijangka menarik lebih ramai pelabur. Sementara itu, pelaburan dalam sektor perkhidmatan akan memfokuskan kepada penubuhan hab serantau, pelancongan kesihatan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan ICT dan teknologi hijau. Di samping itu, pelaburan swasta pada 2020 akan bertumpu dalam industri berkaitan pelancongan seiring dengan penganjuran program utama bertaraf antarabangsa dan VM2020.

Penggunaan awam dijangka kekal sederhana sebanyak 2% pada 2019 dan 1.5% pada 2020 sejajar dengan langkah konsolidasi fiskal. Sehubungan itu, Kerajaan giat mengoptimumkan perbelanjaan dengan memberi penekanan kepada pengurangan pembaziran dan ketirisan tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Sementara itu, pelaburan awam dijangka merosot dengan ketara iaitu 8.1% pada 2019 terutamanya berikutan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh syarikat awam khususnya dalam industri berkaitan O&G. Walau bagaimanapun, pelaburan syarikat awam yang merangkumi sekitar 70% daripada jumlah pelaburan awam dijangka meningkat pada 2020. Sehubungan itu, pelaburan awam pada 2020 diunjur menguncup sederhana sebanyak 0.6%. Pelaksanaan projek baharu dalam industri O&G seperti projek Pembangunan Gas Kasawari dan pelaburan sedia ada seperti projek LNG Terapung 2 dijangka menyokong aktiviti pelaburan awam. Projek MRT2, LRT3, sambungan jajaran LRT dan ECRL serta

Rencana 3.4

Output Potensi bagi Malaysia

Pengenalan

Output potensi adalah anggaran tahap output maksimum yang dapat dihasilkan secara mampan dalam ekonomi bagi jangka masa sederhana hingga panjang tanpa memberi tekanan terhadap harga. Sementara itu, jurang output mengukur perbezaan peratusan antara KDNK benar dengan output potensi yang menunjukkan sama ada sumber ekonomi digunakan secara berlebihan atau sebaliknya (ECB, 2011). Jurang output positif terhasil apabila KDNK benar melebihi output potensi. Keadaan ini bermaksud penggunaan sumber ekonomi secara berlebihan boleh menyebabkan penurunan pengangguran dan peningkatan inflasi. Sebaliknya, jurang output negatif terjadi apabila KDNK benar berada di bawah output potensi. Situasi ini menggambarkan penggunaan sumber ekonomi secara tidak optimum dan seterusnya boleh mengakibatkan peningkatan pengangguran dan penurunan inflasi (Darby & McIntyre, 2018).

Output potensi digunakan secara meluas untuk menggubal dasar fiskal dan monetari (Hansen et al., 2019). Di EU, pemboleh ubah fiskal diukur berdasarkan peratusan kepada output potensi manakala jurang output menjadi asas dalam menentukan langkah kitaran balas fiskal bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, anggaran pertumbuhan output potensi merupakan sebahagian daripada analisis kemampuan hutang oleh IMF dan EU (Fatás, 2018). Bank pusat juga mengambil kira output potensi dalam menggubal dasar monetari melalui penetapan kadar faedah (Fiedler et al., 2019). Artikel ini bertujuan melaporkan anggaran output potensi bagi ekonomi Malaysia menggunakan pelbagai metodologi seterusnya menjadi panduan dalam menggubal dasar fiskal.

Penganggaran Output Potensi

Output potensi dan jurang output tidak dapat dianggarkan secara langsung. Sehubungan itu, artikel ini menggunakan tiga pendekatan iaitu univariat, multivariat dan struktural merangkumi sembilan metodologi untuk membuat anggaran tersebut.

Jadual 3.4.1. Metodologi Penganggaran Output Potensi

Pendekatan	Penerangan	Metodologi
Univariat	Menggunakan penuras atau model untuk menganggar trend output berdasarkan pemboleh ubah siri masa	▪ Trend Linear ▪ Trend Kuadratik ▪ Penuras Hodrick-Prescott (HP) ▪ Penuras Band Pass menggunakan kaedah Baxter-King (BK) ▪ Penuras Band Pass menggunakan kaedah Christiano-Fitzgerald (CF) ▪ Penuras Butterworth
Multivariat	Menggunakan model atau fungsi tertentu yang memasukkan pemboleh ubah lain berdasarkan teori ekonomi	▪ Penuras Kalman
Struktural	Menggunakan fungsi pengeluaran yang menjelaskan penghasilan output melalui faktor input dan sumbangan Produktiviti Faktor Keseluruhan	▪ Fungsi pengeluaran menggunakan kaedah Cobb-Douglas ▪ Fungsi pengeluaran menggunakan kaedah keanjalan penggantian malar (CES)

Sumber: Bank Dunia, Organisation for Economic Co-operation and Development dan Tabung Kewangan Antarabangsa.

Anggaran Output Potensi dalam Jangka Masa Terdekat

Berdasarkan sembilan metodologi tersebut, output potensi secara purata diunjur dalam lingkungan 4.8% – 5% dari 2018 hingga 2020 dengan jurang output menghampiri sifar. Anggaran ini menunjukkan bahawa ekonomi berkembang menghampiri pertumbuhan potensi dengan kadar inflasi dan guna tenaga yang stabil. Walau bagaimanapun, risiko luaran seperti pertumbuhan global dan aktiviti perdagangan yang semakin perlahan dijangka terus mempengaruhi prestasi ekonomi Malaysia.

**Jadual 3.4.2. Anggaran Output Potensi dan Jurang Output
2018 – 2020**
(Pada harga malar 2015)

Metodologi	Output Potensi (%)			Jurang Output ¹ (%)		
	2018	2019 ²	2020 ³	2018	2019 ²	2020 ³
Univariat						
Trend Linear	5.0	5.0	5.0	0.1	-0.3	-0.5
Trend Kuadratik	4.9	4.9	4.9	0.3	0.0	-0.1
Penuras HP	5.0	5.0	5.1	0.1	-0.3	-0.5
Penuras Band Pass menggunakan kaedah BK	5.0	4.8	4.8	0.1	-0.1	-0.1
Penuras Band Pass menggunakan kaedah CF	5.1	4.8	4.6	-0.3	-0.5	-0.2
Penuras Butterworth	4.8	4.7	5.1	0.0	-0.1	-0.3
Multivariat						
Penuras Kalman	5.0	4.5	4.9	-0.2	0.0	-0.1
Struktural						
Fungsi pengeluaran menggunakan kaedah Cobb-Douglas	4.9	4.8	4.7	-0.1	-0.2	-0.1
Fungsi pengeluaran menggunakan kaedah CES	4.9	4.6	4.9	-0.1	0.0	-0.1
Purata	5.0	4.8	4.9	-0.02	-0.2	-0.2

¹ Jurang output = $\frac{(\text{Nilai output sebenar} - \text{Nilai output potensi})}{\text{Nilai output potensi}} \times 100\%$

² Anggaran.

³ Unjuran.


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran).

Analisis Trend Output Potensi

Dalam tempoh 2001 – 2005, purata anggaran output potensi mencatat 5.1% dan 4.7% bagi tempoh 2006 – 2010 iaitu lebih tinggi berbanding output sebenar. Keadaan ini disebabkan oleh dua krisis ekonomi utama iaitu letusan gelembung dot-com dan krisis kewangan global. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran kekal stabil antara 3.2% hingga 3.7% dalam tempoh 2001 – 2010 yang mencerminkan guna tenaga penuh. Di samping itu, sumbangan Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP) meningkat daripada 28.3% bagi tempoh 2001 – 2005 kepada 34.7% bagi tempoh 2006 – 2010. Peningkatan ini sejajar dengan dasar Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menganjak Malaysia daripada ekonomi berasaskan modal kepada ekonomi berasaskan produktiviti. Walaupun ekonomi beroperasi di bawah output potensi, namun kadar inflasi¹ meningkat daripada 1.9% pada 2001 – 2005 kepada 2.4% pada 2006 – 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan ketara harga makanan dan tenaga global pada 2008.



Dalam tempoh 2011 – 2015, output sebenar telah berkembang 5.3% iaitu lebih tinggi daripada paras potensi 5.2%. Peningkatan ini didorong oleh pelaburan berintensifkan teknologi dan pertambahan pekerja mahir berikutan perubahan struktural dalam ekonomi. Sepanjang tempoh tersebut,

¹ Kadar inflasi dalam jangka masa lima tahun dikira menggunakan kaedah Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (CAGR).

Rajah 3.4.1. Trend KDNK Benar berbanding Output Potensi

pelaburan dalam segmen berkaitan ICT serta jentera dan peralatan berkembang sekitar 38% yang menyumbang satu pertiga daripada jumlah pelaburan. Sementara itu, bilangan pekerja mahir meningkat daripada 3.3 juta pada 2010 kepada 3.6 juta pada 2015. Justeru, kadar pengangguran direkodkan lebih rendah antara 2.9% hingga 3.1% manakala inflasi kekal stabil iaitu 2.2%.

Sebaliknya, output potensi dianggarkan 5% dalam tempoh 2016 – 2020 dengan output sebenar berkembang 4.9%. Anggaran ini sejajar dengan kadar pengangguran yang dijangka meningkat antara 3.3% hingga 3.4% dengan modal terkumpul berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 2.2%. Jurang output yang negatif menggambarkan peningkatan ketidaktentuan luaran akibat perang perdagangan yang meruncing, ketegangan geopolitik serta volatiliti dalam pasaran kewangan dan komoditi global. Walau bagaimanapun, sumbangan TFP bagi tempoh tersebut dijangka berkembang kepada 39.6% sejajar dengan peningkatan sasaran jumlah pekerja mahir dan berpengetahuan serta penggunaan meluas teknologi termaju dan automasi oleh industri (MEA, 2018). Sementara itu, kadar inflasi dijangka kekal stabil iaitu 1.9% terutamanya disumbangkan oleh inisiatif Kerajaan untuk menetapkan harga petrol di pam bagi meringankan beban rakyat.

Rajah 3.4.2. Kadar Pengangguran dan Inflasi (% perubahan)**Rajah 3.4.3. Faktor Pengeluaran (% bahagian)**

Kesimpulan

Kerajaan akan terus memperkuat dasar bagi meningkatkan output potensi dan mencapai pertumbuhan yang mampan. Dalam hal ini, dasar fiskal perlu ditumpukan untuk mempergiat pembangunan modal insan melalui pendidikan dan peningkatan kemahiran serta memodenkan infrastruktur fizikal dan menyediakan insentif untuk menarik pelaburan swasta yang bernilai tambah lebih tinggi. Pelbagai inisiatif boleh dilaksanakan demi meningkatkan taraf hidup rakyat melalui penyediaan penjagaan kesihatan berkualiti dan jaringan keselamatan sosial menyeluruh untuk menggalakkan produktiviti buruh serta menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

loji janakuasa hidroelektrik Tekai dan gabungan kitaran turbin gas Pasir Gudang juga akan terus menyokong perbelanjaan syarikat awam dalam segmen pengangkutan dan utiliti.


Perbelanjaan pembangunan Kerajaan dalam tempoh 2019 hingga 2020 kekal tinggi terutamanya bertumpu dalam sektor ekonomi dan sosial. Pelaburan dalam sektor ekonomi disalurkan khusus bagi sistem pengangkutan; tenaga dan kemudahan awam; serta perdagangan dan industri. Sementara itu, sebahagian besar perbelanjaan dalam sektor sosial diperuntukkan kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Pendapatan negara kasar (PNK) pada harga semasa dijangka terus meningkat sebanyak 5.5% kepada RM1.5 trilion pada 2019 disokong oleh aktiviti ekonomi yang mampan. Sementara itu, tabungan negara kasar (TNK) dijangka meningkat 1.4% kepada RM377.5 bilion. Jurang tabungan-pelaburan pula dijangka mencatat lebih 2.9% daripada PNK pada 2019 berikutan tahap TNK yang kekal melebihi jumlah pelaburan. Kedudukan ini membolehkan Malaysia terus membiayai aktiviti ekonomi terutamanya daripada sumber domestik.

Pertumbuhan PNK dijangka terus meningkat 5.8% kepada RM1.6 trilion pada 2020 manakala TNK dijangka berkembang secara marginal sebanyak 0.8% kepada RM380.6 bilion. Peratus sumbangan TNK kepada PNK kekal tinggi iaitu 24.4% terutamanya disumbangkan oleh sektor swasta. Di samping itu, jumlah pelaburan dijangka meningkat kukuh sebanyak 5.2% kepada RM351.6 bilion dan menyumbang 22.6% daripada PNK. Lebih tabungan-pelaburan dijangka berkurangan kepada RM29 bilion atau

1.9% daripada PNK berikutan kadar peningkatan pelaburan yang lebih pantas daripada simpanan. Walau bagaimanapun, jumlah ini kekal tinggi dan menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk merangsang pelaburan jangka panjang yang produktif tanpa bantuan kewangan luar.

Rajah 3.6. Jurang Tabungan-Pelaburan
(% daripada PNK)



¹ Termasuk perubahan dalam stok.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor Luar Negeri

Eksport

Pertumbuhan eksport kasar dianggar meningkat secara marginal sebanyak 0.1% pada 2019. Eksport barangan pembuatan yang merangkumi sekitar 84% daripada jumlah eksport diunjur meningkat 0.7% didorong oleh kenaikan eksport produk bukan E&E dan E&E. Eksport bukan E&E dijangka meningkat meskipun dengan

**Jadual 3.8. Perdagangan Luar Negeri
2018 – 2020**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2018	2019 ¹	2020 ²	2018	2019 ¹	2020 ²
Jumlah perdagangan	1,883,391	1,862,590	1,895,830	6.3	-1.1	1.8
Eksport kasar	1,003,587	1,004,590	1,014,630	7.3	0.1	1.0
antaranya:						
Pembuatan	837,071	842,600	850,460	9.3	0.7	0.9
Pertanian	67,001	67,130	67,570	-14.2	0.2	0.7
Perlombongan	89,907	87,360	88,500	9.9	-2.8	1.3
Import kasar	879,804	858,000	881,200	5.2	-2.5	2.7
antaranya:						
Barangan modal	112,453	102,000	106,500	-2.7	-9.3	4.4
Barangan pengantara	462,212	473,700	492,000	-3.5	2.5	3.9
Barangan penggunaan	73,031	74,800	76,670	2.8	2.4	2.5
Imbangan dagangan	123,783	146,590	133,430	25.7	18.4	-9.0

¹ Anggaran.² Unjuran.Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

kadar perlahan sebanyak 0.7% disumbangkan oleh kimia dan produk kimia; barangan optik dan saintifik; serta produk besi dan keluli. Terimaan produk E&E juga dijangka berkembang sederhana sebanyak 0.6% berikutan penurunan kitaran semikonduktor global.

Permintaan berterusan bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli dijangka menyumbang kepada pemulihan eksport barangan pertanian sebanyak 0.2%. Eksport minyak sawit diunjur berkembang 1% berikutan perjanjian ECRL dengan China. Walau bagaimanapun, eksport minyak sawit ke India dijangka terjejas disebabkan oleh semakan semula duti import ke atas minyak sawit diproses dari Malaysia

yang meningkat kepada 50% bagi tempoh enam bulan berkuat kuasa September 2019. Terimaan hasil getah asli dijangka menyederhana 0.2% berikutan pematuhan perjanjian ITRC untuk mengurangkan eksport antara April hingga Julai 2019. Sementara itu, pendapatan eksport barangan perlombongan diunjur merosot 2.8% disebabkan oleh pengurangan dalam penghantaran petroleum mentah (-19.6%) berikutan penutupan sementara beberapa medan minyak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, penghantaran LNG disasar meningkat dengan ketara sebanyak 7% didorong oleh permintaan berterusan daripada pasaran utama khususnya China, Jepun dan Republik Korea.

**Jadual 3.9. Eksport Kasar
Januari – Ogos**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
Pembuatan	544,601	548,340	9.0	0.7	83.3	84.3
Pertanian	44,915	43,047	-13.9	-4.2	6.9	6.6
Perlombongan	56,686	54,511	4.9	-3.8	8.7	8.4
Lain-lain ¹	7,258	4,914	16.4	-32.3	1.1	0.8
Eksport kasar	653,461	650,812	6.7	-0.4	100.0	100.0

¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Jadual 3.10. Eksport Barangan Pembuatan Januari – Ogos

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
E&E	245,781	247,585	11.4	0.7	45.1	45.2
Bukan E&E	298,820	300,755	7.0	0.6	54.9	54.8
Produk petroleum	49,258	47,055	2.2	-4.5	9.0	8.6
Kimia dan produk kimia	36,752	37,971	18.7	3.3	6.7	6.9
Barangan perkilangan logam	30,329	28,035	25.3	-7.6	5.6	5.1
Jentera, kelengkapan dan peralatan	27,547	27,506	0.4	-0.1	5.1	5.0
Barangan optik dan saintifik	23,543	23,763	12.5	0.9	4.3	4.3
Produk getah	17,449	16,733	-1.3	-4.1	3.2	3.1
Produk perkilangan berasaskan minyak sawit	15,249	14,417	-2.3	-5.5	2.8	2.6
Barangan makanan diproses	12,542	14,020	-4.5	11.8	2.3	2.6
Produk besi dan keluli	9,778	12,405	18.0	26.9	1.8	2.3
Kelengkapan pengangkutan	12,245	11,725	19.6	-4.2	2.2	2.1
Tekstil, pakaian dan kasut	9,912	10,403	-4.4	5.0	1.8	1.9
Produk kayu	10,361	10,103	-4.5	-2.5	1.9	1.8
Barangan perkilangan plastik	9,531	9,902	-1.2	3.9	1.8	1.8
Produk galian bukan logam	4,713	5,608	24.0	19.0	0.9	1.0
Barang kemas	4,321	4,712	-4.4	9.0	0.8	0.9
Produk kertas dan pulpa	3,151	4,066	1.1	29.0	0.6	0.7
Minuman dan tembakau	2,156	2,274	-23.7	5.5	0.4	0.4
Produk pembuatan lain	19,985	20,057	14.8	0.4	3.7	3.7
Eksport barangan pembuatan	544,601	548,340	9.0	0.7	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Keseluruhan eksport kasar dijangka berkembang 1% pada 2020 berikutan jangkaan penambahbaikan aktiviti perdagangan global dan peningkatan dalam kitaran E&E. Sehubungan itu, eksport barangan pembuatan dijangka meningkat 0.9% dengan eksport E&E berkembang 0.8%. Sementara itu, eksport produk bukan E&E pula dijangka berkembang 1.1% susulan permintaan lebih tinggi untuk kimia dan produk kimia; jentera, kelengkapan dan peralatan; barangan perkilangan logam; dan produk petroleum.


Eksport pertanian diunjur meningkat secara sederhana sebanyak 0.7% pada 2020 dipacu oleh permintaan minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Pendapatan eksport barangan perlombongan juga dijangka meningkat 1.3% disokong oleh penghantaran LNG yang bertambah baik berikutan permintaan lebih tinggi daripada pasaran utama. Eksport petroleum mentah diunjur menyederhana disebabkan oleh ketidakpastian dalam persekitaran luar

antaranya penurunan pengeluaran oleh OPEC dan bukan OPEC; pengeluaran minyak syal oleh AS; dan ketegangan perdagangan antara AS dengan China.

Import

Import kasar dijangka merosot 2.5% pada 2019 disebabkan oleh penguncupan barangan modal (-9.3%) selaras dengan aktiviti pelaburan lebih rendah. Sementara itu, import barangan pengantara dan barangan penggunaan diunjur meningkat 2.5% dan 2.4% berikutan permintaan berterusan daripada industri dan isi rumah. Import kasar dianggarkan kembali pulih 2.7% pada 2020 sejajar dengan kenaikan import barangan pengantara, modal dan penggunaan. Import barangan pengantara yang merangkumi sekitar 55% dijangka meningkat 3.9% didorong oleh pengembangan sektor pembuatan terutamanya produk E&E serta petroleum, kimia, getah dan plastik. Import barangan modal juga dijangka berkembang 4.4% selaras

**Rajah 3.7. Haluan Perdagangan Luar Negeri
Januari – Ogos 2019**
(% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

**Jadual 3.11. Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir
Januari – Ogos**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
Barangan modal	75,640	65,595	2.6	-13.3	13.0	11.7
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	63,037	59,782	-6.0	-5.2	10.8	10.7
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	12,603	5,813	90.6	-53.9	2.2	1.0
Barangan pengantara	306,989	306,844	-4.6	0.0	52.8	55.0
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	11,762	12,171	-14.6	3.5	2.0	2.2
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	36,722	39,296	13.5	7.0	6.3	7.0
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	141,652	143,446	7.6	1.3	24.4	25.7
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	116,852	111,932	-18.8	-4.2	20.1	20.0
Barangan penggunaan	48,190	48,383	3.4	0.4	8.3	8.7
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	19,083	20,061	0.9	5.1	3.3	3.6
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	522	689	-22.1	32.1	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	28,585	27,632	5.8	-3.3	4.9	4.9
Barangan tahan lama	6,813	6,359	14.9	-6.7	1.2	1.1
Barangan separa tahan lama	10,158	8,881	3.0	-12.6	1.7	1.6
Barangan tidak tahan lama	11,614	12,392	3.6	6.7	2.0	2.2
Lain-lain	18,768	24,797	11.7	32.1	3.2	4.4
Eksport semula	131,973	112,645	46.0	-14.6	22.7	20.2
Import kasar	581,559	558,263	5.9	-4.0	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

dengan peningkatan aktiviti pelaburan dalam projek baharu dan sedang dilaksanakan. Import barangan penggunaan diunjur meningkat 2.5% berikutan permintaan lebih tinggi daripada isi rumah dan pelancong.

Imbangan Pembayaran

Sektor luar Malaysia dijangka kekal berdaya saing meskipun terdapat ketidaktentuan berterusan dalam persekitaran global. Secara keseluruhan,

peningkatan eksport bersih barangan dan perkhidmatan pada 2019 dijangka menyumbang kepada peningkatan lebihan akaun semasa kepada RM43.4 bilion atau 2.9% daripada PNK. Akaun barangan diunjur mencatat lebihan yang tinggi sebanyak RM131 bilion terutamanya disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan serta penurunan ketara import barangan modal berikutan aktiviti pelaburan yang menyederhana.

Defisit akaun perkhidmatan diunjur meningkat kepada RM21.1 bilion berikutan penurunan lebihan akaun perjalanan yang mengimbangi defisit lebih rendah dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain. Akaun perjalanan dijangka mencatat lebihan RM26.1 bilion disokong oleh peningkatan bilangan pelancong berpendapatan sederhana terutamanya dari Asia. Keadaan ini dijangka dapat mengimbangi perbelanjaan per kapita pelancong yang lebih rendah dan peningkatan jumlah residen berkunjung ke luar negeri.

Akaun pengangkutan dijangka mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM27.1 bilion didorong oleh bayaran caj fret lebih rendah seiring dengan aktiviti perdagangan yang perlahan. Sementara itu, terimaan pengangkutan disokong oleh pendapatan berterusan daripada tambang penumpang serta kerja penyenggaraan dan

pembaikan oleh syarikat tempatan. Defisit akaun perkhidmatan lain diunjur mengecil kepada RM20 bilion berikutan pembayaran lebih rendah bagi import perkhidmatan profesional dan pembinaan dengan aktiviti pelaburan berkembang sederhana. Walau bagaimanapun, bayaran hak harta intelek lebih tinggi terutamanya dalam segmen automobil.

Defisit dalam akaun pendapatan primer dijangka lebih rendah iaitu RM45.3 bilion disebabkan penurunan bayaran terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia melebihi pendapatan diterima oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing dijangka berkurang kepada RM82.9 bilion menunjukkan keuntungan dan dividen lebih rendah berikutan prestasi sederhana sektor pembuatan terutamanya segmen E&E. Sebaliknya, keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri meningkat kepada RM48.3 bilion menunjukkan peningkatan pendapatan dari pelaburan portfolio. Akaun pendapatan sekunder dijangka kekal tinggi berikutan kiriman wang keluar oleh pekerja asing sebanyak RM38.8 bilion didorong oleh peningkatan gaji minimum. Kiriman wang oleh rakyat Malaysia bekerja di luar negeri pula dijangka mencatat RM17.6 bilion.

Jadual 3.12. Akaun Semasa Imbangan Pembayaran 2018 – 2020
(RM juta)

	2018			2019 ¹			2020 ²		
	Terimaan	Bayaran	Bersih	Terimaan	Bayaran	Bersih	Terimaan	Bayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	994,860	893,403	101,456	996,518	886,618	109,900	1,016,872	918,477	98,395
Barangan	832,796	713,614	119,182	834,814	703,864	130,951	849,789	726,375	123,414
Perkhidmatan	162,064	179,789	-17,726	161,703	182,754	-21,051	167,083	192,102	-25,019
Pengangkutan	20,438	48,009	-27,571	22,101	49,249	-27,148	23,336	51,596	-28,260
Perjalanan	79,173	49,125	30,048	84,386	58,299	26,087	86,142	59,040	27,102
Perkhidmatan lain	62,452	82,655	-20,203	64,696	84,685	-19,989	64,835	88,696	-23,861
Pendapatan primer	53,479	105,065	-51,586	54,248	99,537	-45,289	54,891	104,874	-49,983
Pampasan pekerja	6,793	14,447	-7,654	5,998	16,674	-10,675	6,069	17,568	-11,498
Pendapatan pelaburan	46,686	90,618	-43,933	48,250	82,864	-34,614	48,822	87,307	-38,485
Pendapatan sekunder	15,598	34,880	-19,282	17,580	38,782	-21,201	20,197	39,638	-19,441
Imbangan akaun semasa	1,063,936	1,033,348	30,588	1,068,346	1,024,936	43,410	1,091,961	1,062,989	28,972
% daripada PNK			2.2			2.9			1.9

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.


Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih iaitu RM32.4 bilion pada separuh pertama 2019 berikutan aliran keluar bersih pelaburan portfolio dan pelaburan lain. Aliran keluar bersih ini melebihi aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung sebanyak RM8 bilion. Pelaburan langsung asing mencatat aliran masuk bersih RM26.1 bilion berikutan pengambilalihan syarikat penjagaan kesihatan swasta dan usaha sama dalam industri O&G. Sementara itu, pelaburan langsung ke luar negeri disalurkan terutamanya dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan serta pertanian, perhutanan dan perikanan. Akaun pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih RM31.6 bilion berikutan pembayaran balik pinjaman antara bank dan peletakan antara bank luar negeri yang lebih tinggi. Pelaburan portfolio juga mencatat aliran keluar bersih RM8.1 bilion disebabkan oleh sentimen berwaspada dalam kalangan pelabur bukan residen terutamanya pada suku kedua 2019.

Prospek bagi akaun semasa pada masa hadapan akan dipengaruhi oleh permintaan global dan domestik serta harga komoditi. Pada 2020, lebih akaun semasa dijangka mengecil kepada RM29 bilion atau 1.9% daripada PNK. Lebih akaun barangan diunjur berkurang kepada RM123.4 bilion dengan pertumbuhan import melebihi eksport.

Akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit lebih besar sebanyak RM25 bilion pada 2020 disebabkan oleh defisit dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain melebihi peningkatan lebih dalam akaun perjalanan. Defisit akaun pengangkutan diunjur merekodkan RM28.3 bilion berpunca daripada kebergantungan berterusan kepada perkhidmatan pengangkutan asing dan perkhidmatan berkaitan perdagangan selaras dengan peningkatan dalam aktiviti perdagangan. Sementara itu, eksport perkhidmatan pengangkutan akan mendapat manfaat daripada peningkatan eksport dalam segmen penumpang udara disokong oleh ketibaan pelancong sempena VM2020 dan mesyuarat APEC.

Lebih dalam akaun perjalanan dijangka berjumlah RM27.1 bilion dipacu oleh peningkatan ketibaan pelancong yang melebihi perbelanjaan residen berkunjung ke luar negeri. Peningkatan ketibaan pelancong ini disokong

Rajah 3.8. Rizab Antarabangsa



Pada 13 September 2019, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM428.7 bilion atau USD103.5 bilion memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan 1.1 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek (akhir Disember 2018: RM419.6 bilion; USD101.4 bilion; 7.4 bulan; 1.0 kali).

Sumber: Bank Negara Malaysia.

oleh pertambahan pintu masuk untuk VOA bagi memudahkan ketibaan pelancong dari China dan India. Defisit akaun perkhidmatan lain diunjur berkembang berikutan peningkatan import dalam perkhidmatan pembinaan dan profesional selaras dengan prestasi segmen kejuruteraan awam yang lebih baik berikutan pelaksanaan semula projek strategik.

Defisit akaun pendapatan primer dijangka meningkat kepada RM50 bilion berikutan pemulihan eksport yang menyumbang kepada penghantaran balik keuntungan dan dividen lebih tinggi oleh MNC di Malaysia terutamanya dalam industri berkaitan E&E dan O&G. Keadaan ini juga disebabkan oleh aliran keluar bersih bagi pampasan untuk kepakaran dan kemahiran profesional asing. Keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri juga dijangka meningkat berikutan peningkatan prospek ekonomi global. Peningkatan kiriman wang asing iaitu RM39.6 bilion melebihi kiriman wang masuk seterusnya menyumbang kepada defisit berterusan dalam akaun pendapatan sekunder.

Harga

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat secara marginal sebanyak 0.5% dalam tempoh Januari hingga Ogos 2019. Kadar inflasi yang rendah terutamanya disumbangkan oleh penetapan

**Jadual 3.13. Indeks Harga Pengguna
Januari – Ogos
(2010 = 100)**

	Wajaran ¹	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (mata peratusan)	
		2018	2019	2018	2019
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	2.0	1.6	0.64	0.51
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	-0.2	1.6	-0.01	0.05
Pakaian dan kasut	3.2	-1.5	-2.4	-0.04	-0.06
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.0	1.9	0.46	0.45
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	0.7	1.3	0.03	0.05
Kesihatan	1.9	1.3	0.3	0.03	0.01
Pengangkutan	14.6	2.7	-3.6	0.38	-0.51
Komunikasi	4.8	-1.8	0.0	-0.07	0.00
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	-0.6	0.6	-0.03	0.03
Pendidikan	1.3	1.1	1.3	0.01	0.02
Restoran dan hotel	2.9	1.6	1.2	0.05	0.04
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	-0.8	-0.6	-0.05	-0.04
IHP	100.0	1.3	0.5	1.26	0.50

¹ Wajaran berdasarkan Laporan Penyiataan Perbelanjaan Isi Rumah 2016.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

harga RON95 dan diesel pada kadar RM2.08 dan RM2.18 sejak Mac 2019. Langkah ini menyebabkan indeks kumpulan pengangkutan menguncup 3.6% seterusnya mengurangkan IHP keseluruhan. Pada masa yang sama, kumpulan pakaian dan kasut mengalami penurunan iaitu 2.4%. Walau bagaimanapun, kumpulan lain seperti perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.9%); makanan dan minuman bukan alkohol (1.6%); dan minuman alkohol

dan tembakau (1.6%) mencatat peningkatan seterusnya menyebabkan kenaikan IHP. Pada 2019, IHP diunjur meningkat 0.9% sebahagiannya disebabkan oleh pengenaan levi pelepasan antara RM8 hingga RM150 mulai September. Namun demikian, pengenalan duti eksais ke atas minuman bergula pada Julai dijangka memberi impak minimum kepada inflasi keseluruhan memandangkan wajarnya yang kecil dalam bakul IHP.

**Jadual 3.14. Indeks Harga Pengeluar
Januari – Ogos
(2010 = 100)**


	Wajaran ¹	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR (mata peratusan)	
		2018	2019	2018	2019
IHPR	100.0	-1.0	-2.0	-1.00	-2.00
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.7	-11.4	-10.3	-0.86	-0.67
Perlombongan	7.9	17.8	-3.8	1.17	-0.30
Pembuatan	81.6	-1.9	-1.1	-1.56	-0.93
Bekalan elektrik dan gas	3.4	1.1	1.6	0.04	0.06
Bekalan air	0.3	0.5	-2.1	0.00	-0.01
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	100.0	-1.0	-2.0	-1.00	-2.00
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.4	3.8	-5.7	0.63	-0.98
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.1	-2.2	-1.6	-1.22	-0.91
Barang siap	27.5	-2.3	0.2	-0.65	0.05

¹ Wajaran berdasarkan Banci Ekonomi 2016.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3.9. Trend IHP dan IHPR
(% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Inflasi dijangka berkembang 2% pada 2020 terutamanya disebabkan oleh jangkaan pengenalan subsidi minyak bersasar. Peningkatan ini juga sebahagiannya disumbangkan oleh kesan asas yang semakin berkurangan dan pelaksanaan levi pelepasan. Unjuran inflasi juga tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran asing dan ketidakpastian harga minyak global berikutan ketegangan perdagangan dan geopolitik.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot 2% dalam tempoh Januari hingga Ogos 2019. Kemerosotan IHPR disebabkan oleh penurunan indeks sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (-10.3%); perlombongan (-3.8%); dan pembuatan (-1.1%). Keadaan ini berpunca daripada harga komoditi lebih rendah terutamanya minyak mentah dan CPO yang mengurangkan kos pengeluaran. Pertumbuhan IHPR dijangka kekal berkadar negatif pada 2019 berikutan kos input global yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, IHPR dijangka meningkat pada 2020 dengan kesan asas berkurangan dan aktiviti pengeluaran yang kembali ke paras normal.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh kekal stabil pada separuh pertama 2019 dengan jumlah tenaga buruh meningkat 2.2% kepada 15.5 juta seterusnya meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh daripada 67.9% kepada 68.4%. Kadar pengangguran merekodkan

3.3% disokong oleh keadaan pasaran buruh yang menggalakkan termasuk pewujudan peluang pekerjaan baharu. Sementara itu, jumlah penduduk bekerja meningkat 2.2% kepada 15 juta dengan sektor perkhidmatan mencatat bilangan tertinggi iaitu 63.5% daripada jumlah guna tenaga diikuti sektor pembuatan (16.8%) dan sektor pertanian (10.6%). Kekosongan pekerjaan berkurang 6.9% kepada 512,504 manakala bilangan pencari kerja aktif pula berkurang 1.4% kepada 237,600 dengan 3.7% merupakan pendaftar baharu. Bilangan pekerja yang diberhentikan kekal rendah iaitu 20,521 atau 0.1% daripada jumlah penduduk bekerja selaras dengan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan.

Pasaran buruh dijangka terus stabil pada 2019 dan 2020. Kadar pengangguran dijangka kekal 3.3% dengan lebih banyak peluang pekerjaan

Jadual 3.15. Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)			Perubahan (%)		
	H1 ¹	2019 ²	2020 ³	H1 ¹	2019 ²	2020 ³
Tenaga buruh	15,465.4	15,575.8	15,871.3	2.2	1.9	1.9
Guna tenaga	14,949.8	15,062.1	15,347.5	2.2	1.9	1.9
Pengangguran	515.5	514.0	523.8	(3.3)	(3.3)	(3.3)

¹ Januari hingga Jun 2019.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia.

Jadual 3.16. Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)			Bahagian (%)		
	H1 ²	2019 ³	2020 ⁴	H1 ²	2019 ³	2020 ⁴
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,580.4	1,868.5	1,875.8	10.6	12.4	12.2
Perlombongan dan pengkuarian	85.3	81.3	81.5	0.6	0.5	0.5
Pembuatan	2,516.1	2,478.7	2,485.5	16.8	16.5	16.2
Pembinaan	1,273.1	1,362.7	1,379.9	8.5	9.0	9.0
Perkhidmatan	9,494.9	9,270.9	9,524.8	63.5	61.6	62.1
Jumlah¹	14,949.8	15,062.1	15,347.5	100.0	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'.

² Januari hingga Jun 2019.

³ Anggaran.

⁴ Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia.

baharu dalam ekonomi. Di samping itu, jumlah penduduk bekerja dijangka meningkat kepada 15.1 juta pada 2019 dan 15.3 juta pada 2020. Daripada jumlah penduduk bekerja pada 2020, seramai 9.5 juta atau 62.1% dijangka bekerja dalam sektor perkhidmatan manakala 16.2% dalam sektor pembuatan dan 12.2% dalam sektor pertanian.

Bilangan pekerja asing berdaftar meningkat kepada 2 juta pada akhir Ogos 2019. Sebahagian besar pekerja asing berasal dari Indonesia (35%), Bangladesh (28.7%) dan Nepal (15.7%). Sektor pembuatan menggaji sebahagian besar pekerja asing iaitu 35.4% diikuti oleh sektor pembinaan (21.5%) dan sektor perkhidmatan (15.5%). Kerajaan terus melaksanakan inisiatif untuk mengurangkan lagi kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Justeru, kadar levi lanjutan baharu telah dilaksanakan pada 2 Januari 2019 ke atas pekerja asing yang telah berkhidmat selama 10 tahun atau lebih dalam sektor pertanian dan perladangan. Usaha ini dijangka membolehkan sektor tersebut meningkatkan rantaian nilai di samping mengekalkan nisbah pekerja asing berkemahiran rendah di bawah 15% daripada jumlah guna tenaga. Sementara itu, bilangan ekspatriat meningkat 12.1% kepada 122,192. Majoriti ekspatriat terdiri daripada warga India (22.7%) diikuti China (20.2%) dan Jepun (6.9%). Ekspatriat bekerja terutamanya dalam sektor perkhidmatan (52.9%), teknologi maklumat (31.6%) dan pembuatan (5.9%).

Produktiviti buruh meningkat kepada RM91,793 atau 2.5% pada separuh pertama 2019. Selaras dengan pelaksanaan pelbagai strategi yang digariskan dalam Blueprint Produktiviti Malaysia serta usaha untuk memperluas dan menggalakkan penggunaan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) dalam kalangan majikan, produktiviti buruh dijangka meningkat 2.6% kepada RM94,400 sepanjang 2019. Sektor perkhidmatan dijangka merekodkan pertumbuhan tertinggi iaitu 3.2% diikuti sektor pembinaan (2.4%) dan sektor pembuatan (2.3%). Produktiviti buruh diunjur mencapai RM97,000 atau berkembang 2.8% pada 2020 berikutan pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan (3.7%) diikuti sektor pembinaan (3.4%) dan sektor pembuatan (2.6%).

Kesimpulan

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2019 dan 2020 dijangka kekal kukuh disokong oleh asas ekonomi yang teguh dan kepelbagaian struktur ekonomi meskipun ketidakpastian persekitaran luaran semakin meningkat. Permintaan domestik akan memacu pertumbuhan dengan sektor luar berkembang secara sederhana berikutan persekitaran global yang mencabar. Perbelanjaan isi rumah akan terus didorong oleh keadaan pasaran buruh yang stabil dan inflasi yang rendah manakala aktiviti pelaburan akan disokong oleh pengembangan kapasiti dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Meskipun ekonomi dijangka terus berdaya tahan, namun masih terdapat risiko prospek pertumbuhan yang rendah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan sederhana ekonomi global dan aktiviti perdagangan serta volatiliti pasaran kewangan dan komoditi. Justeru, pelbagai langkah akan di ambil bagi mengekalkan momentum pertumbuhan dan memastikan kesejahteraan rakyat.

Langkah ini termasuk penerusan semula projek strategik serta peningkatan rangkaian nilai menerusi teknologi 5G dan IR 4.0. Di samping itu, usaha mempromosikan industri yang mempunyai kelebihan berbanding seperti pelancongan dan aktiviti hiliran berkaitan komoditi dijangka menyokong pertumbuhan dalam jangka masa terdekat.

Rujukan

- Abbhiri. S. (2012). Export Expansion and Imported Input Intensity in the Manufacturing Sector. Dicapai daripada http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_5A1.pdf.
- Aghion, P., & Howitt, P. (1992). A Model of Growth through Creative Destruction. *Econometrica*, 60(2), 323-351.
- Asian Agri. (2018). *The Benefits of Palm Oil*. Dicapai daripada <https://www.asianagri.com/en/media-en/articles/the-benefits-of-palm-oil>
- Bank Dunia. (2018). *Building Solid Foundations: How to Promote Potential Growth*. Global Economic Prospects January 2018, 73. Dicapai daripada <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/28932/9781464811630.pdf>
- Bank Dunia. (2011). *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain*. Bangkok.
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Is Malaysia Experiencing Premature Deindustrialisation?* Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my/files/publication/qb/2019/Q1/p3ba.pdf>.
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Laporan Tahunan 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2018/cp04.pdf>
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Laporan Tahunan 2015*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2015/cp04.pdf>
- Bank Negara Malaysia. (2015). *Laporan Tahunan 2014*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2014/cp04.pdf>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Low-Skilled Foreign Workers' Distortions to the Economy*. Dicapai daripada http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pg=en_work_papers&ac=61&bb=file
- Basiron, Y. (2013). *Malaysian Supply and Demand of Palm Oil: Challenges and Opportunities until 2020*. In *Proceedings of the Oil World Outlook Conference 2013*. Hamburg, Germany.
- Centre for Entrepreneur Development and Research. (2018). *Manufacturing in Malaysia: Main Issues and Challenges*. Dicapai daripada <https://www.cedar.my/images/industryarticles/12.pdf>.
- Cherif, R., & Hasanov, F. (2015). *The Leap of The Tiger: How Malaysia Can Escape The Middle-Income Trap* (15-131). International Monetary Fund.
- Cotis, J. P., Elmeskov, J., & Mourougane, A. (2004). *Estimates of Potential Output: Benefits and Pitfalls from A Policy Perspective*. Euro Area Business Cycle: Stylized Facts and Measurement Issues. Dicapai daripada https://books.google.com.my/books?id=cHVCnN6-yAC&p rintsec=frontcover&hl=ms&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q&f=false
- Darby, J., & McIntyre, S. (2018). *The Output Gap: What Is It, How Can It Be Estimated and Are They Fit For Policy Makers' Purposes?* *Fraser of Allander Economic Commentary*, 42(2), 44-50. Dicapai daripada https://strathprints.strath.ac.uk/64530/8/FEC_42_2_2018_DarbyMcIntyreS.pdf
- Euromonitor International. (2018). *Top 100 City Destinations 2018: Highlights*. Dicapai daripada <https://blog.euromonitor.com/top-100-city-destinations-2018-highlights/>
- European Central Bank (ECB). (2011). *Monthly Bulletin January 2011 : Trends in Potential Output*, 73. Dicapai daripada https://www.ecb.europa.eu/pub/pdf/other/art2_mb201101en_pp73-85en.pdf
- Fatás, A. (2018). *Fiscal Policy, Potential Output and the Shifting Goalposts*. *IMF Economic Review*, 1-19. Dicapai daripada <https://faculty.insead.edu/fatas/euro20.pdf>
- Fiedler, S., Gern, K. J., Jannsen, N., & Wolters, M. H. (2019). *Growth Prospects, The Natural Interest Rate and Monetary Policy* (No. 2019-17). *Economics Discussion Papers*. Dicapai daripada <http://www.economics-ejournal.org/economics/discussionpapers/2019-17/file>

- Forum Ekonomi Dunia. (2016). *The Future of Jobs: Employment, Skills and Workforce Strategy For The Fourth Industrial Revolution*. Global Challenge Insight Report, World Economic Forum. Geneva, Switzerland.
- Global Muslim Travel Index 2019. Dicapai daripada <https://www.crescentrating.com/halal-muslim-travel-market-reports.html>.
- Halal Industry Development Corporation. (2019). *Why Malaysia?* Dicapai daripada http://www.hdcglobal.com/publisher/g_why_malaysia dan http://hdcglobal.com/publisher/alias/halal_park.
- Hanafiah, M. H. M., & Harun, M. F. M. (2010). Tourism Demand In Malaysia: A Cross-Sectional Pool Time-Series Analysis. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 1(1), 80-83.
- Hansen, N. J. H., Mongardini, J., & Zhang, F. (2019). *Labor Market Slack and the Output Gap: The Case of Korea* (No. 19/167). International Monetary Fund. Retrieved from <https://www.imf.org/en/Publications/WP/Issues/2019/08/02/Labor-Market-Slack-and-the-Output-Gap-The-Case-of-Korea-48519>
- Ismail, A., Ahmad, S. M., & Sharudin, Z. (2015). Labour Productivity In The Malaysian Oil Palm Plantation Sector. *Oil Palm Industry Economic Journal*, 15(2), 1-10.
- Jabatan Perangkaan, Malaysia. (2019). *Akaun Negara, Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2018*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Akaun Negara Suku Tahunan – Keluaran Dalam Negeri Kasar*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Akaun Satelit Pelancongan 2018*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Jadual Input-Output, 2015*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan, Malaysia. (2019). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2018). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (2019). *Ketibaan dan Hasil Terimaan Pelancong di Malaysia 2018*. Dicapai daripada <https://www.tourism.gov.my>
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. (2018). *Industry 4WRD: National Policy on Industry 4.0*. Kuala Lumpur.
- Kushairi, A., Ong-Abdullah, M., Nambiappan, B., Hishamuddin, E., Bidin, M. N. I. Z., Ghazali, R., Subramaniam, V., Sundram, S., Parveez, G. K. A. (2019). Oil Palm Economic Performance In Malaysia and R&D Progress In 2018. *Journal of Oil Palm Research*, 31(2), 165-194.
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia. (2019). *Malaysia's Palm Oil Supply and Demand Updates for 2nd Half 2019*. Dicapai daripada http://www.pointers.org.my/v2/report_details.php?id=287
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia. (2018). *Monthly FFB Yield July-December 2017 & 2016*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/lwKTRUT>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2019). *Investment Incentives*. Dicapai daripada <https://www.mida.gov.my/home/investment-incentives/posts/>.
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2019). *Malaysia Investment Performance Report 2018*. Kuala Lumpur.
- May, C. Y. (2012). *Malaysia: Economic Transformation Advances In Oil Palm Industry*. American Oil Chemists' Society (AOCS).

- McKinsey&Company. (2018). *Artificial Intelligence Hardware: New Opportunities for Semiconductors Companies*. Dicapai daripada <https://www.mckinsey.com/~media/McKinsey/Industries/Semiconductors>.
- Mohamed, M.R., Singh, J. K. S., & Liew, C. (2013). Impact on Foreign Direct Investment & Domestic Investment on Economic Growth of Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 50(1), 21-35.
- Patients Beyond Borders. (2018). *Healthy Travel Media*. Dicapai daripada <https://www.patientsbeyondborders.com/media>
- Patrik, T. (2019). Security fears turn away tourists from Sabah's East Coast. *Free Malaysia Today*. Dicapai daripada <https://freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/07/19/security-fears-turn-away-tourists-from-sabahs-east-coast/>
- Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2018). *Laporan Produktiviti 2017/2018*. Petaling Jaya.
- Rodyu, S., & Wetprasit, P. (2018). An Analysis of the Comparative Advantage of Thai Tourism with Chinese Tourists Compared to Other ASEAN+ 6 Countries. *European Journal of Business and Management*, 10(21), 160-182.
- Shevade V. S., & Loboda T. V. (2019). *Oil Palm Plantations In Peninsular Malaysia: Determinants and Constraints On Expansion*, 14(2), 0210628.
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2018). *Rethinking Development Policy: Deindustrialisation, Servicification and Structural Transformation*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WP/Issues/2018/09/28/Rethinking-Development-Policy-Deindustrialisation-Servication-and-Structural-46253>.
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas*. Kuala Lumpur.
- United Nation World Trade Organization. (2018). *UNWTO Tourism Highlights: 2018 Edition*. Dicapai daripada <https://www.e-unwto.org/doi/pdf>
- United Nation World Trade Organization. (2019). *World Tourism Barometer and Statistical Annex, Mei 2019*. Dicapai daripada <https://www.e-unwto.org/doi/pdf/wtobarometereng.2019.17.1.1>
- Zulkifli, H., Halimah, M., Chan, K.W., Choo, Y.M. & Mohd Basri, W. (2010). Life Cycle Assessment for Oil Palm Fresh Fruit Bunch Production From Continued Land Use for Oil Palm Planted On Mineral Soil (Part 2). *Journal of Oil Palm Research*, 22, 887-894.